

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
PUAN V.SAVITHRI A/P VELLAITHAN,
PENARI DAN PENGAJAR
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM TARIAN
BHARATANATYAM**

**NAMA PELAJAR: NUR ELLIEYA BINTI ADNAN
(2020996547)**

**NAMA PELAJAR: NUR FATIN EZZATI BINTI MOHD SUKRI
(2020993527)**

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2021-JULAI 2021

| | Isi Kandungan | M/S |
|------|--|------------|
| i | Abstrak | i |
| ii | Penghargaan | ii |
| iii | Senarai Abreviasi | iii |
| iv | Senarai Singkatan | iv |
| v | Rujukan Kata | v-vii |
| 1.0 | Biodata Penemubual | |
| | 1.1 Penemubual Pertama | 1 |
| | 1.2 Penemubual Kedua | 2 |
| 2.0 | Biodata Tokoh | |
| | 2.1 Biodata Tokoh | 3 |
| | 2.2 Pengenalan kepada tokoh | 4-5 |
| 3.0 | Sejarah Lisan | |
| | 3.1 Pengenalan | 6 |
| | 3.2 Objektif Sejarah Lisan | 7 |
| | 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan | 7-8 |
| 4.0 | Kajian Literatur | |
| | 4.1 Topik 1 | 9-11 |
| | 4.2 Topik 2 | 11-13 |
| 5.0 | Transkrip Temubual Bersama Tokoh | 14-76 |
| 6.0 | Log Temubual | 77-87 |
| 7.0 | Ralat | 88 |
| 8.0 | Glosari | 89-97 |
| 9.0 | Indeks | 98-113 |
| 10.0 | Bibliografi | 114-122 |
| 11.0 | Lampiran | |
| | 11.1 Biografi Tokoh | 123 |
| | 11.2 Surat Perjanjian | 124 |
| | 11.3 Senarai Soalan | 125-128 |
| | 11.4 Diari Penyelidikan | 129-132 |
| | 11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan | 133-141 |

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan tokoh yang mahir dalam Tarian Bharatanatyam iaitu Puan V.Savithri A/P Vellaithan. Beliau seorang yang berpengalaman dan mengetahui segala perkara yang melibatkan bisang tarian Bharatanatyam. Ramai dalam kalangan masyarakat pada masa kini, terutamanya generasi yang baru dalam era ini tidak mengetahui secara langsung tentang kewujudan seni tarian yang unik ini. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang salah satunya tokoh yang masih aktif dalam bidang tarian Bharatanatyam ini, projek sejarah lisan ini akan cuba mengungkap kebenaran sebenar di sebalik isu yang sering kali dikaitkan dengan kesenian ini iaitu perbezaan budaya telah mempengaruhi keaslian tarian Bharatanatyam, penggunaan bahasa yang lain di kalangan penari dan jurulatih dan tarian Bharatanatyam ini kurang dikenali zaman sekarang. Pendokumentasian daripada wawancara ini akan membantu dalam merungkaikan isu-isu yang melibatkan tarian Bharatanatyam ini. Di sebalik keindahan tarian Bharatanatyam ini, terdapat juga cerita tentang sejarah tarian ini diperkenalkan, fakta, kepentingan, pencapaian, sumbangsan dan harapan yang telah dipelajari dan dialami oleh tokoh sendiri sepanjang penglibatan beliau dalam tarian Bharatanatyam ini. Soalan-soalan yang telah disediakan untuk wawancara ini adalah melalui pembacaan daripada sumber-sumber yang berkaitan dengan tarian Bharatanatyam. Wawancara ini telah dijalankan selama 2 jam pada tarikh 24 Mei bertempat di kediaman persendirian. Melalui sejarah lisan ini, diharapkan agar masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan dapat mengenali dan mendalami dengan lebih lanjut tentang warisan seni tarian Bharatanatyam ini.

Keywords: *Tarian Bharatanatyam, Sejarah lisan, generasi, jurulatih, penari.*

This transcript discusses the experiences of a figure who is a skilled figure in Bharatanatyam dance which is Mrs. V.Savithri A / P Vellaithan. She is an experienced person and knows all the different things about Bharatanatyam dance. Many in today's society, the new generation of generations in this era are not directly aware of the existence of this unique art. Besides talking about the figures who are still active in the field of Bharatanatyam dance, this oral history project will try to reveal the truth behind the issue that often occurs with this art such as the different cultures have affected originality of Bharatanatyam dance, the use of different languages among dancers and coaches and Bharatanatyam dance exposure between the past and the present times. Documentation from this interview will help in unraveling the issues that arise related to Bharatanatyam dance. Behind the beauty of this Bharatanatyam dance, there are also stories about the history of this dance introduction, facts, importance, interest, help, and hope that have been learned and experienced by the figure herself throughout her involvement in this Bharatanatyam dance. The questions that have been prepared for this interview are through the reading of sources related to Bharatanatyam dance. The interview was conducted for 2 hours on May 24 at our private residence. Through this oral history, it is hoped that the outside generation of the present generation will be able to recognize and delve further into the heritage of this Bharatanatyam dance art.

Keywords: *Bharatanatyam Dance, oral history, generations, coach, dancer.*

PENGHARGAAN

Dalam era pemodenan ini, wujudnya persaingan di mana kejayaan akan datang kepada mereka yang bekerja keras. Tugasan yang telah diberikan ini adalah seperti jambatan antara kerja teori dan praktikal. Dengan ini kami telah sentiasa bersedia untuk melakukan tugas tersebut.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuhan Yang Maha Kuasa yang jelaslah telah membimbing kami untuk melakukan tugas dengan betul. Tanpa rahmat-Nya, tugasan ini tidak akan menjadi kenyataan. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah bekerjasama dan terlibat secara langsung dan bukan secara langsung membantu kami dalam melaksanakan tugas ini.

Terima kasih diucapkan kepada tokoh kami iaitu Puan V.Savithri A/P Vellaithan. Beliau sangat bertimbang rasa dan sentiasa memberikan kerjasama yang terbaik dalam membantu kami menyiapkan tugasan ini. Segala penerangan beliau mudah difahami dan kami sentiasa doakan beliau terus berjaya dalam segala bidang yang beliau ceburi di masa hadapan.

Seterusnya, pensyarah kami, Madam Siti Noorsiah binti Jamaludin, terima kasih banyak atas bimbingan dan sokongan penuh kepada kami yang memudahkan kami melakukan tugasan ini. Tugas ini tidak akan dapat dilakukan tanpa bimbingan beliau.

Akhir sekali, rakan sekelas kami, terima kasih diucapkan kerana telah banyak membantu kami. Mereka membantu kami dengan memberikan banyak idea dan maklumat mengenai bagaimana menyelesaikan tugas ini dengan sempurna. Bantuan mereka tidak akan dilupakan.

**SENARAI
ABREVIASI**

| SINGKATAN | MAKSUD |
|------------------|--|
| JKKN | Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara |
| JSBN | Jurulatih Seni Budaya Negara |
| ASWARA | Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan |

**SENARAI
SINGKATAN**

VSV: V.Savithri A/P Vellaithan

NEA: Nur Ellieya binti Adnan

NFE: Nur Fatin Ezzati Binti Mohd Sukri

RUJUKAN KATA

| | |
|----------|-------------------|
| Aah | Ya/Betul |
| Ajak | Mengajak |
| Ajar | Mengajar |
| Aje | Sahaja |
| Ambik | Aambil |
| Apa hal | Kenapa |
| Bagitahu | Beritahu |
| Bantai | Berpura-pura tahu |
| Bapak | Bapa |
| Bawak | Bawa |
| Berenti | Berhenti |
| Bukak | Buka |
| Camtu | Macam itu |
| Dah | Sudah |
| Depan | Hadapan |
| Diorang | Mereka |
| Eh | Ya |
| Eh? | Ya? |
| Je | Sahaja |
| Jekan | Sahaja |
| Jugak | Juga |
| Kat | Dekat |
| Kecik | Kecil |
| Kejap | Sekejap |
| Kitorang | Kami |

| | |
|---------|---------------|
| Kot | Mungkin |
| Lah | Ya |
| Lamar | Melamar |
| Latih | Melatih |
| Lepas | Selepas |
| Lepastu | Kemudian |
| Macamni | Macam ini |
| Masatu | Semasa |
| Mintak | Minta |
| Ni | Ini |
| Paham | Faham |
| Pape | Apa-apa |
| Pasal | Mengenai |
| Pastu | Selepas Itu |
| Pikir | Fikir |
| Pulak | Pula |
| Sikit | Sedikit |
| Sorang | Seorang |
| Tak | Tidak |
| Takde | Tiada |
| Takleh | Tidak Boleh |
| Taknak | Tidak mahu |
| Takpe | Tidak mengapa |
| Tapi | Tetapi |
| Tau | Tahu |

| | |
|----|------------------|
| Tu | I ^t u |
| Ye | Ya |

**BIODATA
PENEMUBUAL**

1.1. Penemubual Pertama



| | |
|---------------------|---|
| Nama | Nur Ellieya binti Adnan |
| Tarikh Lahir | 20 Februari 1999 |
| Tempat Lahir | Kuala Pilah, Negeri Sembilan |
| Alamat | No. 91, Lorong Lavender Height 1/5, Taman Lavender Height, 70450, Seremban, Negeri Sembilan |
| No Telefon | 012-9437212 |
| Emel | eliyaadnan02@gmail.com |
| Program | Pengurusan Rekod (IM246) |

1.2 Penemubual Kedua



| | |
|---------------------|---|
| Nama | Nur Fatin Ezzati Binti Mohd Sukri |
| Tarikh Lahir | 10 Disember 1998 |
| Tempat Lahir | Hospital Ranau Sabah |
| Alamat | Lot 2841, Kg Jenerih 7, Tok Uban Pasir Mas, 17050, Kelantan |
| No Telefon | 0183201056 |
| Emel | fatinsukrii98@gmail.com |
| Program | Pengurusan Rekod (IM246) |

BIODATA TOKOH

2.1 Biodata Tokoh

Savithri A/P Velaithan berumur 53 tahun berasal dari Labu, Negeri Sembilan. Savithri A/P Velaithan dilahirkan pada 18 Oktober 1968 (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021). Bapanya En Velaithan PKJK merupakan seorang pemain harmonium yang terkenal di semenanjung Malaysia (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021). Beliau mendapat pendidikan awal dalam bidang tarian di Sekolah Tanjai Kamala Indira Natya, sebuah sekolah tarian terkenal di Kuala Lumpur pada tahun 1989, dan mendapat Ijazah terawalnya dalam Barathanatyam pada tahun 1994 (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021).

Selain tarian klasik dan rakyat India, beliau juga mahir dalam tarian tradisional Melayu seperti Joget, Asli, Inang dan Zapin.

Beliau merupakan pengasas dan pengarah Artistik di Uniques Art Culture & Heritage Negeri Sembilan (UACHN). Di UACHB, beliau telah mengajar pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum antaranya Melayu, Cina, India, Punjabi, Korea, Rusia dan Indonesia. Antara anugerah dan pencapaian beliau ialah:

- Jurulatih Seni Budaya Negara Tahap 4 (2003)
- Fasilitator Jurulatih Seni Budaya Negara (2009)
- Anugerah Barata Kala Ratna daripada Persatuan Seni Budaya Negeri Sembilan
- Fasilitator International Dance Festival di Sarawak (2010)
- Anugerah Karyawan Seni Budaya 2016 daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Sembilan.

2.2 Pengenalan kepada tokoh

Puan Savithri berlatarbelakangkan keluarga artistik. Muzik, tarian dan teater telah menjadi sebahagian penting dalam jiwanya dan keluarga. Ayah Puan Savithri, ‘Isai Kurusil’ Encik A. Velaiyuthan PJK adalah seorang tokoh terkenal di kalangan masyarakat India kerana menjadi pemain harmoni yang terkenal di Malaysia. Pengalaman beliau dalam tarian bermula sejak usia 8 tahun. Persembahan pertama Puan Savithri telah diadakan pada tahun 1976 bertempat di Balai Polis Nilai.

Bagi mengasah kemahiran dalam seni tari, pada tahun 1989, beliau menyertai sekolah tarian ‘Thanjai Kamala Indira Natya Vidyaalayaa’ yang terletak di Kuala Lumpur di bawah bimbingan gurunya, ‘Srimathi Kamala Ramachandran’ merupakan Guru Barathanaatiyam terkemuka di Malaysia. Pada tahun 1994, Puan.Savithri menamatkan Aranggetramnya atau graduasi dalam bidang tarian di Dewan Chettiar, Kuala Lumpur dari Dato K. Patmanabhan DSNS serta dianugerahkan gelaran ‘Naatya Kalaimani’ oleh beliau.

Minat beliau sebagai guru tarian bermula apabila Guru Srimathi Kamala Ramachandran mendorongnya menjadi guru tarian sekaligus selepas beberapa bulan mengantikan cawangan kelas tarian beliau sendiri di Padang Jawa, Klang. Minat yang mendalam terhadap tarian ‘Bharatha-Nattiyam’ mendorong Puan Savithri untuk berguru di bawah bimbingan Guru Shree V. Mathaven, yang juga merupakan pakcik kandung beliau sendiri. Seorang seniman tersohor dan seorang Guru veteran di Temple of Fine Arts. Guru Sree V. Mathaven menjadi pengaruh besar dan idola utama kepada Puan Savithri. Beliau bertekad menjadi seorang guru yang komited semasa menyampaikan teknik pengajaran. Beliau sentiasa menitikberatkan keunggulan dan kesempurnaan yang optimum kepada anak-anak buah beliau. Bagi kecemerlangan berpanjangan dalam profesion ini, sebagai guru yang sentiasa mencari kelainan dan keunikan dalam bidang tarian, beliau melanjutkan pelajarannya dalam instrumen ‘Nattuvangam’ di bawah bimbingan Dr. Amirtha Devi Sakathevan.

Pencapaian Puan Savithri sungguh mengagumkan dan beliau ditauliahkan sijil jurulatih tarian profesional di bawah Kementerian Kebudayaan dan Kesenian, dan dipertanggungjawabkan sebagai ISBN ‘Jurulatih Seni Budaya Negara’ pada tahun 2010 selepas bertahun menimba ilmu dalam pelbagai jenis tarian etnik Malaysia di bawah anjuran program JKKN. Selain itu Puan Savithri juga merupakan satu-satunya fasilitator ISBN India yang aktif untuk Tarian Bharathanattiyam. Beliau diberi mandat untuk menulis Modul tarian India untuk sekolah – sekolah kebangsaan yang kemudiannya disusun menjadi buku rujukan standard. Beliau merupakan jurulatih yang dinamik dan berdedikasi tinggi serta berpengalaman selama 26 tahun dalam tarian klasik India. Beliau juga telah menerima anugerah ‘Bharatha Kalaa Ratnaa’ dari ‘Persatuan Seni Budaya India Negeri Sembilan’.

Selain itu, pada tahun 2010, Puan Savithri juga telah dilantik sebagai fasilitator di 'International Dance Festival' yang diadakan di Sarawak.

Sementerian, beliau juga telah melatih 150 pelajar dari negara Beijing dan Qingdoa, China semasa mereka di Malaysia untuk menghadiri kursus seni tari. Pencapaian ini telah membuka pelbagai peluang untuk meneruskan kerjayanya dan menari di pentas antarabangsa. Beliau telah dijemput ke Qingdoa, China untuk Festival tarian sebagai fasilitator. Bengkel tersebut diikuti dengan sesi temu ramah bersama QTV pada tahun 2012. Selain itu, pelajar - pelajarnya telah turut serta dalam pelbagai program yang dianjurkan oleh kerajaan seperti SUKMA, Festival Kanak-kanak, 'Karnival Budaya Folklore Festival', 'Program Bersama Rakyat', dan 'Ambang Merdeka'. Pada tahun 2011, pelajar - pelajarnya diberi peluang untuk turut serta dalam 'Malaysian Book of Record' di 'Tarian Seribu Piring Satu Malaysia'.

Puan. Savithri juga telah melatih sebilangan pelajarnya untuk mengambil bahagian dalam 'Senam Seni Satu Malaysia'. Di samping itu, dia tidak melupakan pelajar - pelajarnya yang kurang berasas baik dan berdedikasi. Dia memberikan kelas dan bengkel tambahan secara percuma untuk mereka dalam pelbagai bentuk tarian tradisional Malaysia.

Kecemerlangannya dan kerjasama bersama 'Satir Dance Academy' (Tamil Nadu) di bawah Guru Sri Shanmugam Sundram telah memberi peluang kepada beliau untuk menyusun dan mencipta silibus baharu untuk tarian 'Kolattam' untuk Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Tarian yang disusun oleh beliau telah dicipta mengikut kesesuaian Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan telah ditambahkan dalam 'Program Bimbingan Seni Budaya Malaysia'. Di bawah bimbingan Puan. Savithri, banyak pelajarnya berasal dari budaya yang berbeza seperti Melayu, Cina, dan India, Korea, Rusia, Indonesia dan lain-lain.

Beliau kini aktif sebagai fasilitator dalam semua bengkel yang dianjurkan oleh JKKN. Malah, beliau telah mencipta koreografi tarian klasik India untuk 'World Harvest Festival 2015, 2016 & 2017' dan 'Festival Muzik Dunia Rainforest 2016' sering mengadakan produksi pentas yang berkualiti kerana beliau adalah Pengarah di Unique Arts Culture and Heritage Academy. Pada tahun 2016, beliau menerima "Anugerah Tokoh Karyawan Seni Budaya" dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan (JKKN-NS). Pada tahun 2018, Puan Savithri menerima 'Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat' dari SMK Dato Mohd. Said, Nilai. Baru-baru ini, beliau menerima anugerah 'Nritya Vidya Ratna' dari 'Saraswati School of Bharathanattiyam', sebuah sekolah tarian yang wujud hampir 70 tahun di Tamilnadu, India. Selepas itu, beliau telah menerima anugerah 'Uncrowned Hero' daripada Malaysia Hindu Sangam.

SEJARAH
LISAN

3.1 Pengenalan

Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang telah dirakamkan secara wawancara (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Nadzan Haron (2012) pula mentakrifkan sejarah lisan sebagai sesuatu kaedah penyelidikan sejarah atau kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam mengumpul sumber sejarah yang akan dilengkapkan sebagai rekod bertulis. Sejarah lisan juga merupakan kajian yang dapat menyimpan data masa lampau walaupun sudah berlalu dalam jangka masa yang panjang. Menurut Ahmad (1987), sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan. Sejarah lisan selalunya wujud dalam waktu apabila berlakunya penemuan-penemuan baharu dan teknologi moden yang bersesuaian dengan perkara-perkara yang semakin kompleks seperti dalam politik, kewangan, perniagaan, sastera dan kehidupan moden (Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda, 2012). Ia merupakan satu bidang kajian yang amat luas yang terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat seperti orang biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, pengarang, korporat dan sebagainya (Rozeman Abu Hassan, 2004). Bidang sejarah lisan telah dipelopori oleh Herodotus yang telah menjalankan proses wawancara individu untuk mendapatkan peristiwa-peristiwa sejarah yang dianggap penting pada masa lampau (Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda, 2012). Beliau telah dianggap sebagai ‘Bapa sejarah’ dan perintis dalam bidang ini (Starr, 1984). Pelbagai platform boleh digunakan untuk mendapatkan sejarah lisan ini (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007). Antaranya ialah menggunakan pita rakaman, transkrip, pameran, bahan-bahan buku dan filem-filem (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007). Sejarah lisan boleh dijalankan ke atas tokoh-tokoh yang masih hidup atau pun yang telah meninggal dunia dengan mendapatkan maklumat daripada orang yang paling rapat seperti ahli keluarga dan kenalan rapat mereka (Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda, 2012). Tokoh-tokoh ini dipilih kebiasaannya kerana mereka telah menyumbang maklumat bersejarah dari segi penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut akan disalin, disemak dan ditaip supaya dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Maklumat-maklumat yang telah dikumpulkan sangat bernilai dari sudut pelbagai aspek seterusnya akan dapat menggalakkan pengajaran dan menambah minat masyarakat untuk menceburkan diri dalam bidang sejarah (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007).

3.2 Objektif Sejarah Lisan

1. Untuk dijadikan sumber kepada sesiapa sahaja yang ingin melakukan penyelidikan sejarah, dan secara umum untuk pengembangan sains.
2. Untuk menghasilkan satu dokumen lisan dari keterangan seseorang, keterangan saksi ke dalam bentuk rakaman atau transkrip.
3. Untuk mengumpulkan memori-memori dan pengalaman personal orang sumber yang mempunyai nilai yang signifikan dalam sesuatu isu sejarah tertentu
4. Untuk memelihara sesuatu peristiwa sebagai suatu warisan supaya generasi akan datang dapat mengetahui apa yang terjadi dan mengapa ia terjadi.

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Sumber lisan memainkan peranan penting kepada para pengkaji sejarah dalam melakukan pelbagai tema kajian sejarah terutamanya sejarah yang berkait dengan masyarakat, budaya dan sosial (Fafais, 2017). Terdapat banyak kepentingan jika melakukan sejarah lisan yang boleh diambil antaranya ialah dapat memastikan supaya sejarah yang telah melalui pelbagai jenis perkembangan pmodenan tidak dilupai atau hilang sebagai bukti sejarah (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Sejarah Lisan juga membantu memainkan peranan yang besar dalam memelihara dan menambahkan sumber-sumber sedia ada untuk sejarah Malaysia di abad ini (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Selain itu, sejarah lisan sangat berguna untuk rujukan kerana kebiasaannya sumber-sumber bertulis adalah terhad (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Rakaman sejarah lisan seperti ini membantu masyarakat untuk menggambarkan perkara-perkara bersejarah yang telah berlaku di samping ianya dapat menggambarkan aspek-aspek yang sukar digambarkan oleh masyarakat (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan dan mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperolehi serta seterusnya amat penting dalam mencatat kejadian lepas yang pernah dilalui oleh seseorang (Seow Han Lin, 2020). Seterusnya, sejarah lisan adalah penting kerana bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan (Rozeman Abu Hassan, 2004). Dengan adanya sumber lisan, generasi baru akan dapat mengenali dan mendalamai peristiwa-peristiwa yang telah berlaku melalui kaca mata orang yang telah mengalami dan menyaksikan peristiwa tersebut (Rozeman Abu Hassan, 2004). Peranan sejarah lisan amat penting untuk membina semula

peristiwa-peristiwa sejarah bagi menggantikan rekod-rekod yang telah hilang atau dimusnahkan oleh pihak penjajah seperti Jepun dan British (Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda,2012). Ia amat berguna untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber-sumber bertulis, dan berguna untuk menambah sumber bertulis yang sedia ada dengan keterangan-keterangan sejarah yang telah dicatatkan. Ia amat penting untuk menyelamatkan keterangan-keterangan sejarah yang akan hilang dan ia juga sebagai pendorong kepada penyelidik untuk membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang telah disediakan dengan sumber-sumber lisan (Nadzan Haron, 1979).

**KAJIAN
LITERATUR**

4.1 Topik 1- Seni Kebudayaan

Istilah seni budaya pada dasarnya merupakan sebuah frasa kata yang berasal dari kata “seni” dan kata “budaya” (Adzikra Ibrahim, 2009). Kata seni sendiri berasal dari bahasa sanskrit iaitu kata sani yang bermaksud pemujaan, persembahan atau pelayanan yang sering kali diertikan sebagai setiap hal yang sengaja dibuat oleh manusia untuk menghadirkan unsur keindahan yang dapat membangkitkan perasaan orang lain (Adzikra Ibrahim, 2009). Menurut M. Prawiro (2020) pengertian seni adalah ekspresi perasaan manusia yang memiliki unsur keindahan di dalamnya dan diungkapkan melalui satu media yang sifatnya jelas, seperti bentuk percakapan, wajah, gerak-geri, syair, serta dapat dilihat oleh pancaindera manusia. Menurut fakta daripada Kamus Dewan (2005) perkataan seni dapat ditakrifkan sebagai sesuatu yang halus iaitu kecil, elok, tipis dan halus, sedap didengar. Manakala kata budaya berasal dari kata buddhayah (bahasa sanskerta) yang membawa maksud budi atau akal yang digunakan oleh manusia dan diturunkan secara turun temurun (Adzikra Ibrahim, 2009). Definisi ini dikuatkan lagi dengan Sofyan Hadi (2015) bahawa budaya adalah suatu cara hidup yang dapat berkembang secara bersama pada suatu kelompok masyarakat secara turun-temurun dari generasi ke generasi dan ia terbentuk dari banyak unsur yang sulit meliputi sistem politik dan agama, adat istiadat, pakaian, bahasa, perkakas, karya seni dan bangunan. Menurut Stavenhagen (1986) pula memberi pengertian kebudayaan yang berkaitan dengan tradisi akal dan budi manusia ini lebih menjurus kepada cara hidup sesuatu bangsa atau umatnya. Kepelbagaiannya ini lebih kepada kepelbagaian adat dan budaya sesebuah masyarakat yang mempunyai pelbagai etnik dan kaum. Kepelbagaiannya merupakan rangkuman dari pelbagai aspek yang meliputi budaya, etnik, agama, amalan tradisi yang mengarah kepada kecenderungan dan memberi kefahaman di antara sesama kaum (Stavenhagen, 1986). Selain itu, menurut Afizahyus (2017) seni dan kebudayaan amat berkait rapat dengan identiti, ideologi dan amalan sehari-hari sesebuah kelompok masyarakat yang dapat dilihat di seluruh dunia bahawa setiap masyarakat mempunyai identiti seni dan kebudayaannya yang tersendiri lantas membentuk keunikan cara hidup mereka. Justeru itu, terdapat banyak kepentingan dalam mengekalkan seni kebudayaan.

Antara kepentingan seni budaya menurut Afizahyus (2017) adalah untuk mengekalkan Malaysia sentiasa dikenali sebagai sebuah negara yang unik kerana terdiri daripada pelbagai kaum, bahasa, agama, seni, budaya dan sebagainya. Selain itu, negara kita juga dikenali sebagai sebuah negara yang ‘multicultural’ di mana sifat-sifat kemajmukannya dalam konteks kemasyarakatan yang luas juga (Afizahyus 2017). Seterusnya adalah penting untuk negara membangun seperti di Asia Tenggara untuk mengekalkan tradisi budaya aslinya yang sudah berakar umbi sejak turun temurun menjadi tradisi budaya asli yang merupakan sumber tenaga dan ilham (Mohamad Zain Musa & Nik Hassan

Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2010). Disamping itu, kepentingan mengekalkan seni kebudayaan menurut Natasha Edreema & Zuliskandar Ramli (2020) menyatakan pihak berwajib juga perlulah memainkan peranan lebih besar dalam mengangkat perkara ini ke peringkat antarabangsa agar sejarah negara bukan sahaja dapat dihayati oleh rakyat Malaysia tetapi warisan seni kebudayaan diiktiraf di serata dunia seterusnya memperkembang industri arkeo-pelancongan negara. Sejarah negara amat penting untuk generasi akan datang memandangkan terdapat beberapa faedah bagi mereka jika mereka memahami dan mengetahui sejarah negara (Natasha Edreema & Zuliskandar Ramli ,2020). Tambahan pula, Siti Aminah & Seow Ta Wee (2015) juga menyatakan generasi akan datang dapat mengetahui, memperoleh dan seterusnya mempelajari kepelbagaiannya sosiobudaya iaitu suatu warisan dan budaya nenek moyang mereka. Persefahaman budaya antara masyarakat akan terjadi melalui kesediaan setiap kaum menerima, mengakui, memahami dan mengiktiraf unsur kebudayaan kaum lain (Fatimah Daud, 1984). Walau bagaimanapun, terdapat juga cabaran dalam mengekalkan seni kebudayaan.

Terdapat beberapa cabaran dalam mengekalkan seni kebudayaan. Menurut Widia Wati (2016) cabarannya ialah dari segi agama, adat istiadat dan budaya. Nilai antara etnik yang menyatakan perbezaan dari segi agama, bahasa, dan kebudayaan lebih ketara dalam masyarakat majmuk (Widia Wati, 2016). Kaum Melayu, Cina dan India mempunyai agama, bahasa dan kebudayaan yang berlainan. Perbezaan ini bertambah sukar apabila setiap kaum terus menebal dengan bahasa dan kebudayaan mereka sendiri (Widia Wati, 2016). Setiap kaum di Malaysia boleh dikatakan mewakili agama tertentu contohnya Melayu beragama Islam, Cina beragama Buddha, India beragama Hindu, Iban dan Kadazan beragama Kristian. Adalah ketara ketiga-tiga kaum utama di Malaysia mempunyai adat resam, bahasa, agama dan falsafah hidup yang berbeza (Widia Wati, 2016). Hal ini menyebabkan masing-masing menganggap kebudayaan dan agama mereka adalah yang terbaik. Sekiranya masyarakat kurang terdedah mengenai budaya kaum lain, ia akan menjadi penghalang kepada usaha untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional di Malaysia (Widia Wati, 2016). Hal ini juga dinyatakan di (Cik Baco, 2014) iaitu di Malaysia, masalah perpaduan berlaku disebabkan tiadanya persefahaman antara rakyat yang terdiri dari pelbagai bangsa. Hal ini kerana, masyarakat yang pelbagai di Malaysia masih lagi berpegang teguh kepada peranan tradisional dan nilai-nilai yang terbatas dalam kalangan kaum itu sendiri (Cik Baco, 2014). Selain itu, penggiat pada generasi sekarang sudah melihat cabaran itu bermula dengan ketidaaan guru apabila guru sedia ada semakin tua dan tidak banyak persembahan dilakukan pada peringkat dalam negara (Nurul Husna Mahmud, 2020). Bagi pandangan (Mohamad Zain Musa & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2010) pula mereka menyatakan bahawa budaya dan nilai tradisional menghalang proses pembangunan kerana ada yang berpendapat nilai tradisional ini mengakibat kemunduran kerana negara tidak boleh

maju sekalipun melalui usaha kerajaan membuka peluang kepada mereka dengan strategi yang terancang. Disebabkan itulah mereka menganggap budaya tradisional tidak lagi relevan untuk masyarakat moden (Mohamad Zain Musa & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2010). Setiap tradisi yang ada di Malaysia sewajarnya dipelihara dan untuk menarik perhatian generasi perlu ada usaha untuk mengangkat seni itu lebih serius (Nurul Husna Mahmud, 2020). Oleh itu, terdapat beberapa usaha yang perlu diambil bagi mengekalkan seni kebudayaan ini supaya tidak lapuk ditelan zaman.

Usaha dalam mengekalkan seni kebudayaan melalui pendapat Ibrahim Ahmad (2004) Kementerian Penerangan perlu main peranan penting untuk menyebarkan maklumat menerusi saluran-saluran media massa berbentuk audio dan video bagi membentuk jati diri rakyat negara ini. Salah satu langkah yang proaktif adalah seperti merekod dan memuat naik video dokumentari tarian tradisional yang lebih bersesuaian dengan sensitiviti umum seterusnya menyebarkan video tersebut di pelbagai laman web yang perlu dilakukan bagi memberikan pemahaman dan penjelasan yang lebih baik mengenai amalan kebudayaan dan sejarahnya di Malaysia (Zaain Zin, 2019). Selain itu, Mohamad Zain Musa & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (2010) berpendapat kerajaan juga harus bertanggungjawab membentuk dasar kebudayaan dan garis panduan untuk mengambil keputusan dan tindakan, yang melibatkan kehidupan berbudaya. Disamping itu, Natasha Edreena Mohamad Nasruddin & Zuliskandar Ramli (2020) turut menyatakan bahawa Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya perlu meningkatkan kesedaran akan pentingnya sumbangan seni dan budaya dalam masyarakat dengan cara mempergiatkan lagi aktiviti dan promosi terutamanya di dalam akhbar, laman sosial seperti Facebook berikutnya generasi muda yang lebih kerap menggunakan internet dan melayari laman-laman sosial. Seterusnya menurut Nurul Husna Mahmud (2020) cara untuk mengekalkan dan mengembangkan warisan budaya itu adalah mencari jalan supaya warisan budaya diiktiraf di dunia moden melalui memberikan sokongan kepada artis budaya tradisi mengikut keperluan masing-masing. Antara usaha yang dibuat adalah melalui pencarian bakat yang akan meneruskan tradisi ini supaya dapat memperkenalkan tradisi ini kepada khalayak umum (Nurul Husna Mahmud, 2020). Warisan budaya ini dapat memberi manfaat dalam memajukan ekonomi rakyatnya dan bangsanya (Mohamad Zain Musa & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2010). Ini akan menjadi produk utama bagi industri pelancongan yang akan tarik pelancong luar datang ke negara kita (Mohamad Zain Musa & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2010).

4.2 Topik 2 – Bharatanatyam

Tarian Bharatanatyam adalah salah satu tarian Klasik India yang berasal dari wilayah Tamil Nadu, India Selatan dan dikenali sebagai tarian keagamaan India pada abad ke-21 (Yosie Karnaen, 2017).

Fakta ini juga disokong oleh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (2021) yang menyatakan bahawa tarian ini berasal dari Selatan India. Thiviya Arumugam (2018) turut menyatakan tarian ini mempunyai teknik pergerakan yang jelas dan dapat seiring dengan irama lagu yang dimainkan. Setiap pergerakan mempunyai maksud tersendiri. Selain itu, pergerakan tangan menunjukkan bahasa isyarat untuk menceritakan hikayat-hikayat agama Hindu. Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (2021) turut berpendapat bahawa tarian tradisi ini mempunyai pelbagai gerakan tangan, kaki dan mata yang harus dipelajari untuk membuat persembahan lengkap tarian warisan yang sudah lama di hormati ini. Menurut kepercayaan umat Hindu Tamil, tarian ini merupakan salah satu tarian klasik yang sangat tua di India (Yosie Karnaen, 2017). Fakta disokong bahawa tarian ini merupakan tarian tertua yang terkenal kerana kelembutan dan pengajurannya (Kata Malaysia, 2020). Bharatanatyam berasal daripada gabungan perkataan yang bermaksud anugerah, kemurnian, kelembutan dan ekspresi (Yosie Karnaen, 2017). Definisi ini dikuatkan lagi dengan pandangan oleh Vilashiiney Panneerselvam (2014) yang menyatakan bahawa asal nama Bharatanatyam terdiri daripada gabungan perkataan seperti BHAvana (ungkapan), RAgam (melodi), TAlam (irama) dan NATYAM (tarian). Menerusi pengenalan tentang tarian Bharatanatyam ini, terdapat beberapa kepentingan tarian ini dipersembahkan.

Menurut Yosie Karnaen (2017), tarian ini penting sebagai satu tarian rasmi upacara perayaan. Tarian ini akan menjadi tarian pembukaan pada acara ritual terutama perayaan Thaipusam ini, namun apabila tarian ini tiada maka upacara tidak akan berlangsung kerana tarian tersebut merupakan tarian penting yang dipersembahkan secara sakral kepada Sang Dewa Murga (Yosie Karnaen, 2017). Kalpana Mukunda Iyengar & Howard L. Smith (2019) turut berpendapat bahawa Tarian Bharatanatyam menggambarkan kepercayaan rohani daripada Hindu epik dan kisah-kisah dewa. Selain itu, kepentingan tarian ini menurut Bernama (2019) ialah Tarian Bharatantatyam bukan sahaja mampu menjadi tarian rasmi kepada sesuatu upacara malah memberi kepuasan kepada si penari seterusnya dapat membangkitkan elemen perpaduan. Fakta ini juga disokong Kata Malaysia (2020) yang menyatakan bahawa tarian ini merupakan tarian klasik kaum India dan dianggap mampu memukau setiap penontonnya. Biarpun berlainan bangsa dan agama, seni tarian tradisional ini mempunyai keunikian tersendiri kerana ia dapat menyuntik semangat muhibah, menghormati kepelbagaian dan memberi sokongan antara satu sama lain dalam kalangan mereka yang berkecimpung dalam cabang seni tersebut (Bernama, 2019). Antara kepentingan tarian ini ialah tarian Bharatnatyam mempunyai kesan yang baik untuk mengekalkan postur badan yang baik kepada kanak-kanak sekaligus dapat mengurangkan kemungkinan untuk menghidap obesiti di masa tua (Shankarashis Mukherjee, Neepa Banerjee, Surjani Chatterjee & et al, 2014). Di samping itu, menurut Amritha Alladi Joseph (2008) jika pergerakan dilakukan dengan betul, ia akan dapat menguatkan otot penari. Fakta ini juga

disokong Indian Culture (n.d) bahawa Bharatanatyam mempunyai manfaat kesihatan fizikal dan mental yang melibatkan lutut, mata, membantu menguatkan ingatan seterusnya dapat melancarkan peredaran darah keseluruh anggota badan. Melalui kepentingan-kepentingan tersebut, terdapat gaya pemakaian yang menarik dalam mempersembahkan tarian ini.

Gaya berpakaian penari Bharatanatyam untuk wanita menyerupai sari tradisional India lebih kurang sama dengan pengantin Hindu Tamil (Sobanah Chandran, 2020). Menurut teks dan patung kuno, kostum tarian asli tidak menutupi sebahagian besar badan penari (Sobanah Chandran, 2020). Dari segi kostum, mereka menciptakan kostum yang dapat membuat para penari terlihat sangat cantik dan anggun, yang terdiri dari ‘Paijama’ atau ‘dhoti’ serta jaket dari ‘Kanchipuram sutra’ dan ‘surta Banaras’ dan para penari perempuan juga memakai ‘choli’ atau korset yang ketat dengan warna sama (Arini Putri Wibowo, 2015). Terdapat beberapa jenis kostum Bharatanatyam, dipakai sesuai dengan tema tarian dan keselesaan untuk pergerakan penari untuk memastikan penari dapat melakukan gerakan kaki yang luar biasa termasuk meregangkan atau membengkokkan lutut, kain melebar seperti kipas tangan (Sobanah Chandran, 2020). Penari akan memakai sari buatan tukang jahit cantik yang terdiri daripada kain yang dijahit khas dalam pleat yang jatuh di bahagian depan dari pinggang dan apabila penari melakukan kasut yang menakjubkan yang termasuk regangan atau lenturan lututnya, kain melebar seperti kipas tangan (Cultural Indian, n.d). Sari yang dipakai dengan cara yang istimewa dilengkapi dengan perhiasan tradisional seperti perhiasan yang menghiasi kepala, hidung, telinga, leher dan solekan wajah yang terang terutama sekali bahagian mata supaya lebih menonjol (Sobanah Chandran, 2020). Fakta ini disokong oleh Cultural India (n.d) yang menyatakan bahawa penari akan dilengkapi dengan barang kemas tradisional supaya penonton dapat melihat ekspresi penari dengan jelas melalui pemakaian perhiasan yang menghiasi kepala, hidung, telinga dan leher dan wajah menonjol. Selain itu juga Thiviya Arumugam (2018) menyatakan rambut penari perlu dijalin rapi dengan cara konvensional yang dihiasi dengan bunga, tali pinggang perhiasan akan menghiasi pinggangnya, gelang dipakai pada pergelangan tangan (Thiviya Arumugam, 2018). Salangai atau ghungroo merupakan gelang kaki tarian tradisional kaum India (Thiviya Arumugam, 2018). Menurut Rangarshee (2008), salangai ialah satu gelang kaki penari tradisional yang dipakai semasa tarian tradisional kaum India, ia juga dipanggil ghungroo dalam bahasa Hindi. Selain itu, menurut Kalyani (2009), salangai adalah loceng kecil yang diperbuat daripada tembaga atau logam, ia digantung bersama-sama untuk membentuknya gelang kaki yang mengeluarkan muzik. Penari-penari tarian ini pastinya akan menggayakan kostum dan perhiasan yang menarik. Maka dengan itu, tarian Bharatanatyam ini sangat menarik untuk dipersembahkan dan ianya perlu dikekalkan agar tidak ditelan zaman.

TRANSKRIP
TEMUBUAL
BERSAMA
TOKOH

Salam Sejahtera, dan selamat petang. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni tarian Bharatanatyam. Bersama-sama kami ialah Puan Savithri yang merupakan seorang jurulatih tarian. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 24 Mei bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 2 petang bertempat di kediaman masing-masing. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Ellieya binti Adnan dan juga Nur Fatin Ezzati binti Mohd Sukri. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NEA: (Menyelak kertas) *So [jadi]*, kami mulakan dengan - [Notifikasi masuk][NFE menghilangkan notifikasi] bolehkah puan ceritakan tentang latar belakang diri puan? (NEA menulis).

VSV: Kita bersantai aje lah ye?

NFE: Boleh-boleh puan (angguk).

VSV: Kita bersantai ye? Senang sikit.

NEA: Boleh, betul-betul (angguk).

VSV: Taknak jadikan sangat *formal* [rasmi] la kan?

NFE: Aah.

VSV: *So [jadi]*, saya ni, nama saya Savithri Vellaithani. Dan umur saya sekarang dah lima puluh tiga [53] tahun. Sa- saya lahir dan dibesarkan di Negeri Sembilan [Malaysia].

NEA: Boleh puan ceritakan sedikit tentang pengalaman zaman sekolah puan?

VSV: Saya di- masa zaman- dulu za-zaman kitorang memang takde tadika ye. Terus masuk darjah satu [1]. Dalam tahun 1975, saya masuk darjah satu [1] di Sekolah _____ Dato' Shah Mohamad Abu Bakar Hilir [Nilai] [sic, Dato' Shah Bandar Abu Bakar Labu Hilir]. (NFE menyentuh skrin telefon) Sekolah rendah, saya sekolah rendah di situ, kemudian saya ke sekolah menengah di Sekolah Dato' Mohd. Said, Nilai di Negeri Sembilan [Malaysia]. *So [jadi]* di situlah saya habis sampai tingkatan empat [4] lepastu tingkatan lima [5] tak dapat disambung sebab zaman kitorang ni mak bapak tak suka anak-anak perempuan belajar tinggi. Lagi satu, pada masa tu keadaan – keadaan apa keadaan ekonomi kita keluarga kita tak berapa bagus _____.

NEA: Oh, faham (angguk). Itu zaman sekolah. *So [jadi]* puan ada tak punya moto (menunjukkan isyarat tangan) mempunyai moto atau slogan hidup? (NFE batuk).

VSV: Ya (angguk) ada, saya percayalah kalau kita mengajar - dengan cara penuh kasih sayang, satu benda yang sangat diperkatakan memberi seni dengan penuh kasih sayang. (Gangguan bunyi daripada NFE) *So [jadi]*, bila kita mengajar tu kena ada kasih sayang bukan asyik nak marah-marah jekan, “*Serve Art with Love*” [Mempersembahkan seni dengan rasa cinta].

NEA: Oh - (melihat kertas) maaf, ulang lagi sekali .

VSV: “*Serve Art with Love*” [Mempersembahkan seni dengan rasa cinta].

NEA: (Menulis di kertas) Oh, “*Serve Art with Love*” [Mempersembahkan seni dengan rasa cinta]. Okay, faham.

NFE: Oh (angguk).

VSV: Haa.

NEA: So [jadi] - Fatin, sila teruskan.

NFE: Puan, hm boleh tak ceritakan sedikit tentang latar belakang keluarga puan? Dengar tak puan?

VSV: (angguk) – Ibu saya – (melihat kertas) nama ibu saya Janaki Ayyapan dan nama ayah saya Vellaithan Appu. – saya mak—ibu saya seorang suri rumah tangga tapi ayah saya seorang pemuzik.

NFE: Oh (angguk).

VSV: *So [jadi]*, Memang – kita ni memang ada darah seni dalam keluargalah. Keluarga saya memang ada darah seni. *So [jadi]* saya memang bergiat sebab mungkin disebabkan saya tengok ayah saya selalu main muzik, saya suka menari. Bila dia menari [sic, main muzik] dengan kawan-kawan dia, saya pun akan menari di bilik saya (senyum).

NFE: Oh (menyentuh skrin telefon).

VSV: *So [jadi]*, memang – mungkin -- benda ni ada mendorong sayalah. Mungkin, saya tak tahu tapi masih kecilkan. _____ keluarga, saya yang paling bongsu _____.

[Terputus talian bersama tokoh]

NFE: haa, macam mana puan?

VSV: tak boleh dengar ke? Dengar tak tadi?

NEA: Sampai ni je kot, adik beradik puan?

VSV: Ha, saya -- anak bongsu dalam *family* [keluarga] saya.

NEA: Okay.

VSV: Adik beradik kita enam [6] orang.

NFE: Oh.

VSV: Dua [2] lelaki, empat [4] perempuan, saya bongsu.

NFE: (angguk) (menulis kertas).

NFE: Puan, adakah puan - satu-satunya anak yang menceburi bidang warisan seni ni? Ke ada adik-beradik lain?

VSV: (Memakai cermin mata) (membetulkan kamera) Ya, Fatin?

NFE: Puan – puan – merupakan satu-satunya anak yang menceburi bidang warisan seni ni ke?

VSV: Ha, ya. Betul saya seorang, tapi dulu masa kakak saya – menjadi. Ada seorang kakak saya tu, dia tu menjadi penyanyi tapi lepas dia dah berumah tangga, dia taknak ceburi lagi dalam seni. Tapi saya lepas berumah tangga baru - ceburi dalam bidang seni lebih aktif.

NFE: Oh (angguk).

NEA: Madam [puan], [menunjukkan isyarat tangan] muka madam [puan] tak nampak sangat, ke atas sikit madam [puan] punya phone [telefon].

VSV: Okay, [melaraskan kamera] sekarang boleh?

NEA: Atas [menunjukkan isyarat tangan] lagi sikit.

NFE: Nampak separuh madam [puan]

NEA: Nampak separuh je muka madam [puan]

VSV: Okay atas, saya pegang [memegang telefon] macamni la kejap.

NEA: Eh, boleh ke madam [puan]? Lama ni madam [puan]

VSV: Takpe la, nanti kejap saya letak benda _____

NEA: Ha, boleh takpe madam [puan]. Takpe, faham.

VSV: Ha, okay tak? (NFE batuk)

NEA: **Ha, okay.**

VSV: _____ (gelak)

NEA: **(Gelak) Takpe madam [puan]. Boleh nampak. Okay so [jadi] kami teruskan lagi dengan soalan mengenai perkahwinan madam [puan]. So [jadi] apakah nama suami puan? (gangguan bunyi daripada NFE) Nama suami (pegang dagu).**

VSV: Nama suami saya Sugumaran Nair. Dia berasal daripada Kuala Kangsar, Perak [Malaysia].

NEA: **Ouh, Kuala Kangsar, Perak [Malaysia] (Pegang dagu).**

VSV: Saya jumpa dia dalam satu [1] festival. Festival apa Perayaan Thaipusam. Ha, kami berjalan-jalan la pergi Thaipusam. Saya - - jumpa dia. (gangguan bunyi daripada NFE) So [jadi] kita berkenalan dan dia terus melamar saya.

NFE: **(Gelak).**

NEA: **(Gelak sambil tutup mulut).**

VSV: Sekarang kami dah mempunyai empat [4] orang anak (gelak).

NEA: **Empat [4] orang anak.**

VSV: (Gelak) Cepat dia lamar saya.

NFE: **Aah. (gelak)**

NEA: **Cepat. (gelak)**

VSV: (Gelak) Sekarang mempunyai empat [4] orang anak. Dua [2] - - lelaki, dua [2] perempuan.

NFE: **Oh.**

NEA: **Puan dah berapa lama kahwin? (Pegang dahi)**

VSV: Sudah dua puluh lapan [28] tahun la. Dah dua puluh lapan [28] tahun (meleraskan kamera).

NFE: **Oh.**

NEA: *So [jadi] [Notifikasi masuk][NFE menghilangkan notifikasi]* agak lama la perkahwinan ni.

SVS: Ya.

NEA: Adakah puan mempunyai cucu? Ada yang sudah berumah tangga?

SVS: Ha, takde, belum - - Belum lagi, tapi anak saya dalam usaha nak kahwin la (gelak). Dua puluh [20]. Dia dah nak masuk dua puluh enam [26]. Mungkin tahun depan dia akan kahwin.

NFE: Oh.

NEA: *So [jadi] kami akan ber- apa kami akan masuk ke soalan umum pulak. (menunjukkan isyarat tangan)* Tadi soalan untuk pengenalan sahaja.

VSV: Ya, soalan umum (selak kertas).

NEA: *So [jadi] sekarang soalan umum.*

VSV: Ha ya.

NEA: *So [jadi] Fatin akan mulakan.*

NFE: Seperti yang saya baca puan.

VSV: Ya.

NFE: Puan mempunyai satu akademi tarian, betul? Boleh ke puan ceritakan (menunjukkan isyarat tangan) sedikit sejarah tentang akademi tarian ni.

VSV: Hello, Fatin tak dengar Fatin.

NFE: Boleh tak ma- puan ceritakan sedikit sejarah tentang akademi tarian puan?

VSV: Okay boleh (melihat kertas). Sebenarnya saya kena ambil daripada awal lah ya?

NEA: Boleh (angguk).

VSV: Lepas graduasi saya dalam tarian Bharatanatyam, iaitu 1994, Tahun 1994. – Cikgu saya suruh saya mengajar di Klang [Selangor] sebab cikgu saya ada satu kelas dekat situ.

NFE: Oh.

VSV: Yang dia baru bukak, tapi dia tak dapat pergi ke Klang [Selangor] (menunjukkan isyarat tangan) Jauh dari KL [Kuala Lumpur][Malaysia] dia nak pergi Klang [Selangor]

[Notifikasi masuk][NFE menghilangkan notifikasi] Dia kata dia taknak pergi. So [jadi] dia mintak saya – ambil kelas tu dan jalankan. So [jadi] dari situlah saya bermula (NFE batuk) untuk (menunjukkan isyarat tangan) menjadi seorang guru. Mula menjadi - jurulatih mengajar anak-anak murid sayalah. So [jadi] dari situ, So [jadi] bila (menunjukkan isyarat tangan) saya – mula mengajar tu. Dalam hati saya “Saya nak bi- buat satu [1] – sekolah tarian”.

NFE: Oh.

VSV: So [jadi] saya tubuhkan sekolah tarian dari situlah. Dari 1994 (menunjukkan isyarat tangan) saya dah mula ada sekolah tarian sendiri.

NFE: (Angguk) (melihat kertas) - Apa yang membuatkan puan rasa berminat untuk membuat akademi tarian ini?

VSV: Okay, sebenarnya – (melaraskan kamera) tarian tradisi. Bukan sahaja tarian tradisi ya, tarian-tarian lain jugak. – Saya sebab saya ni Jurulatih Seni Budaya Negara dan juga [Gangguan bunyi daripada NFE] fasilitator untuk tarian-tarian tradisi Malaysia. Dan juga menjadi pengubal - - untuk modul - - Malaysia. So [jadi] dalam masa ini masa yang masa kita mengajar ini (menunjukkan isyarat tangan), saya tahu ramai yang minat pada tarian tradisi.

NFE: Oh.

VSV: Tapi meraka tak tahu macam-mana kena mengambil langkah untuk menjadikan seni dan budaya ini sebagai satu [1] bidang profesional.

NEA: (Angguk).

VSV: Sekarang kalau kita, kalau kitalah, kalau anak kita nak belajar doktor, (menunjukkan isyarat tangan) kita tahun nak masukkan kolej mana.

NFE: Aah (angguk).

VSV: Kan? Kalau anak kita nak jadi *lawyer* [peguam] (menunjukkan isyarat tangan) kita tahu nak masukkan kolej mana.

NFE: Betul.

VSV: Tapi kalau anak kita minat dalam bidang seni ni. Nak masukkan mana? So [jadi] satu - - [1] (menunjukkan isyarat tangan) persoalan yang saya selalu tanya. Lagi satu [1]

(Laraskan kamera) kalau kita dah tahu dari kecik anak kita tu minat nak jadi doktor ke *lawyer* [peguam]. Kita dah bagi dia semua dari kecik kita dah bagi dia semua apa – (laraskan kamera) nasihat dan cara – macam mana nak jadi doktor tu. Tapi kalau katalah seorang anak tu nak jadi pemain muzik, kalau anak tu nak jadi penari, atau nak menjadi profesor dalam tarian ke nak ambil *doctorate* [kedoktoran] dalam tarian ke, takde tempat. So [jadi] kebanyakan anak murid yang ada - - bakat diorang ni, diorang ni memang berbakat tapi tak tahu nak - - letakkan mana (NFE melaraskan kamera). So [jadi] kena ada asas - - (menunjukkan isyarat tangan) maksud saya asas itu *base* [tapak] yang kuat dari pelajaran rendah. Kalau kita pergi ke sekolah, ada rendah ada menengah lepastu kita masuk kolej kan?

NFE: Aah.

VSV: Tapi nak ambil tarian - - tradisi kita takde rendah, takde menengah tapi terus nak masuk kolej.

NEA: (Angguk).

VSV: So [jadi] minat saya nak adakan akademi ni sebab anak murid kita boleh dapat asas dia.

NFE: Oh, faham.

VSV: Sebelum dia nak masuk ke ambil _____ (menunjukkan isyarat tangan) tarian tradisi ni sebagai profesional, dia ada tempat macam akademi yang sesuai untuk mereka pergi ke – ambil dia punya *base* [tapak] asas dia. So [jadi] kita macam, *madam* [puan] semua zaman kita memang takde ada kolej ke takde apa. So [jadi] zaman kita takde benda ni, takde apa - - *source* [sumber] yang kami boleh pergi belajar.

NEA: (Angguk).

VSV: Tapi dalam pengalaman kita melalui benda – pembelajaran ini. (menunjukkan isyarat tangan) Saya rasa kita tak perlu jadi apa kedekut ilmu.

NEA: (Angguk).

VSV: Kita kena bagi pada anak murid, generasi baru.

NFE: Mm-hmm.

VSV: So [jadi], kita kena apa pelihara mereka, anak murid kita terus ke jalan yang betul yang seni dan budaya ini (menunjukkan isyarat tangan) boleh menjadi profesional.

NFE: (Angguk) betul.

VSV: *So [jadi] sebab ini, (menunjukkan isyarat tangan) dalam hati saya saya fikir “Kena ada satu tempat yang base [tapak] yang strong [kukuh]”*

NFE: Aah.

VSV: *So - - [jadi] saya - - yang mula-mula, saya anak - - saya sendiri, anak sulung saya menjadi contoh. So [jadi] bila anak saya dia dah pergi ASWARA [Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan]. Dia ada base [tapak] tarian-tarian tradisi di tempat saya tak kiralah Bharatanatyam, (menunjukkan isyarat tangan) dia belajar inang, joget, zapin pun dia ada belajar dengan saya.*

NFE: Oh.

VSV: *So, [jadi] semua dah ada base [tapak] die masuk ASWARA [Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan]. So, [jadi] dah habis degree [Ijazah Sarjana Muda] kat ASWARA [Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan]. Sekarang dia sebagai lecturer [pensyarah] di Kolej Lim Kok Wing [Selangor].*

NFE: Oh.

VSV: *So, [jadi] satu - - [1] (menunjukkan isyarat tangan) teladanlah untuk semua orang yang bidang seni ini boleh menjadi profesional.*

NFE: Aah, betul.

VSV: *So, [jadi] ada ramai yang tanya saya “Eh, dapat kerja ke? Kerja dekat mana?” Ha, kita cerita dengan dia kan dekat kolej, institut. “eh, belajar menari boleh jadi ke lecturer [pensyarah]?” Ha, sebab ramai orang tak tahu, so, [jadi] ini satu [1] langkah selama saya ambil dah - - dua puluh tujuh [27] tahun. Dua puluh tujuh [27] tahun, saya mengajar tarian, inilah satu [1] langkah yang - -saya ambillah. Anak saya pun dah dua puluh enam [26] tahun yang sulung (mendaraskan kamera).*

NFE: Oh.

NEA: *So, [jadi] itulah sebabnya puan berminat untuk buka akademi ni kan?*

VSV: Ya - -

NEA: *So, [jadi] Fatin, teruskan.*

NFE: So, [jadi] dekat mana lokasi akademi tarian puan tersebut?

VSV: Alamat - - dia? Dimana ya?

NFE: Aah, (Angguk) lokasi.

VSV: (melihat kertas) kami - sekolah kami ada di Seremban Dua [2], Negeri Sembilan [Malaysia].

NFE: Oh.

VSV: Dekat Seremban Dua [2] [Negeri Sembilan]. Pusat Komersial Saujana, Seremban Dua [2] [Negeri Sembilan].

NEA: So, [jadi] benda tu satu jelah? (menunjukkan isyarat tangan) Madam [puan] punya?

VSV: Nanti saya (tutup mulut) Ya, saya tak kerja pape. Kerja saya mengajar je (gelak) Mengajar menari je. Tu kerja saya selain daripada tu, kadang-kadang Kementerian Kebudayaan dan Kesenian Negara akan jemput saya membuat modul dan juga menjadi fasilitator untuk dia punya semua tarian.

NFE: Oh.

NEA: Jadinya madam [puan] ada satu jelah pusat akademi tarian?

VSV: (angguk) Ya, tarian satu je.

NFE: Ramai - tak penuntut yang - dekat akademi tarian puan ni? Yang join [menyertai]?

VSV: Ya, ramai. Dalam dua puluh tujuh [27] tahun ni, seka _____ tahun lalu lah saya ada sebanyak satu ratus lima puluh lapan [158] *student* [pelajar].

NFE: Oh, ramai.

VSV: Tapi sebab _____ sekarang ada lima puluh [50] *student* [pelajar] yang masih aktif. _____ kelas melalui “Zoom” la “Zoom” ke atau video tutorial.

NFE: Oh.

VSV: Yang lain-lain tu, dia berhenti sementara. Dia kata dia tak berapa sesuai dengan video tutorial dengan “Zoom” kelas lah. So [jadi] dia tunggu kalau dah bukak kelas, diorang akan datang balik. _____.

NEA: So [jadi] kiranya yang pelajar tu semua daripada pelbagai bangsalah dan umur? Ke khas untuk pelajar India sahaja?

VSV: (Mesaraskan kamera) Kebanyakan pelajar India tapi – kami ada jugak daripada kaum-kaum lain. Saya pernah ajar orang - - Korea, ha pernah ajar orang - - Cina daripada Beijing, ha pernah ajar seorang doktor, seorang *scientist* [ahli sains] ha dia daripada Rusia.

NFE: Oh.

VSV: Hm, daripada Rusia, dia – kata dia minat dengan tarian-tarian ini *so [jadi]* dia belajar dengan saya. Hm, tapi buat masa ini ramai yang belajar – pelajar-pelajarlah (menunjukkan isyarat tangan) kaum India.

NEA: Oh (angguk) so [jadi] kiranya memang keluarga puan sangat menyokong (menunjukkan isyarat tangan) kerjaya puan la kan? Sebab puan sangat berminat.

VSV: Ya, betul.

NEA: Oh.

VSV: Ya.

NEA: Lagipun ikutkan ada ahli - kalangan keluarga puan (menunjukkan isyarat tangan) pun memang dalam bidang seni kan? so [jadi] tu yang lagi buat _____.

VSV: Ha ya, ayah saya - -

NEA: So [jadi] kiranya puan memang takde pekerjaan lain selain daripada menjadi pengajar ni?

VSV: (Geleng kepala) Tidak. Tidak ada kerja lain. *So [jadi]* satu [1] contoh saya contohlah yang kalau kita buat satu benda dengan betul dan profesional, kita boleh dapat dia punya apa *feedback* [maklum balas] yang bagus.

NFE: Betul.

VSV: Saya nak jadi satu [1] contoh kepada semua orang yang seni dan budaya ini ada maruah. Ada maruah yang tinggi.

NFE: (Angguk).

NEA: Takdelah orang akan pandang remehkan dengan seni dan budaya ni.

VSV: Ya - - betul (gelak).

NEA: Sebab selalunya mesti orang _____.

VSV: Saya cerita satu [1], nanti – pada cabaran (menunjukkan isyarat tangan) saya akan cerita lagi satulah.

NFE: Okay, boleh. (gelak)

VSV: Macam mana orang pandang kita, bila kita ni orang seni (gelak).

NFE: Okay, boleh.

NEA: So [jadi] saya sambung lagi (melihat kertas) so [jadi] melalui ada saya bacalah, tarian ni – memerlukan penari-penari dia untuk kekal aktif.

VSV: Ya.

NEA: So [jadi] apa rahsia puan dalam menjaga kesihatan?

VSV: Mm-hmm, kita benda-benda yang tak elok tu janganlah makankan, macam kita minum benda-benda apa karbonat punya air.

NEA: Ha (angguk).

VSV: Minuman yang bergas. (menunjukkan isyarat tangan) Memang tak perlulah. Kita macam kita beli taknak cakap *brand* [jenama] lah (gelak) kita beli apa-apa benda gas tu. Berapa harga dia? Dua [2] ringgit [mata wang Malaysia] Berapa sekarang satu [1] *can* [tin] tu berapa sekarang? Saya pun tak tahu sebab saya tak beli (gelak). Dua [2] ringgit [mata wang Malaysia] eh? Dua [2] ringgit [mata wang Malaysia] lima puluh [50] sen eh? [mata wang Malaysia].

NEA: (Gelak) Ada dalam dua [2] ringgit [mata wang Malaysia] lebih?

VSV: Ha, dua [2] ringgit [mata wang Malaysia] lebih. Tapi bila kita minum tu, kita dapat penyakit yang kita kena bayar lagi satu ratus lima puluh [150] ringgit [mata wang Malaysia].

NFE: Aah (angguk) betul.

VSV: Lebih baik jangan minum benda-benda macam itu. Minum banyak minum air kosong. Ha, saya suka minum air kosong (melaraskan kamera).

NEA: *So [jadi] kira kalau dalam untuk penjagaan pemakanan pulak, puan ada makan vitamin ke? _____.*

NFE: *Supplement [makanan tambahan] ke?*

VSV: (Geleng kepala) Ya, saya (menunjukkan isyarat tangan) tak makan vitamin tapi rajin belilah. Tapi (gelak) rajin beli sebab orang kata “beli ini, beli ini”. Tapi, saya tak beberapa pandai tapi saya amalkan petua-petua nenek moyang kita. Hm, kadang-kadang sekarang ni saya rajin makan apa ulam raja ya?

NEA: *Oh ulam raja.*

VSV: Saya ada abang angkat, macam abang sayalah.

NFE: *Puan tak nampak mata (gelak).*

VSV: Nama dia, saya panggil dia “Abang Angah” _____ dia yang cakap dengan saya “makan ulam raja ni, bagus” *so [jadi]* saya tanam, sekarang saya dah tanam, (menunjukkan isyarat tangan) tanam banyak ulam raja di rumah saya. Ya, *so [jadi]* saya suka *follow* [ikut] apa – yang nenek moyang kita tinggalkan.

NFE: *Aah.*

VSV: Amalkan makanan-makanan yang ditinggalkan oleh tradisi kitalah. Memang benda-benda tu semua tradisi kan? Ha, benda tu saya suka makan.

NEA: *Puan, naikkan sikit (menunjukkan isyarat tangan).*

NFE: *Tak nampak mata puan.*

NEA: *Nampak hidung je (menunjukkan isyarat tangan).*

VSV: (Melaraskan kamera)(gelak).

NEA: *Atas sikit (menunjukkan isyarat tangan).*

VSV: Atas lagi. (melaraskan kamera). Dah turun kot.

NFE: *Aah, ha, okay madam [puan].*

NEA: *(Tunjuk isyarat bagus).*

VSV: Okay (senyum).

NEA: *So [jadi] saya sambung balik. So [jadi] ada tak tarian lain yang puan mahir selain daripada tarian Bharatanatyam ni?*

VSV: Ha, tadi saya ada ceritakan yang saya ini sebenarnya jurulatih seni budaya negara.

NFE: **Aah.**

VSV: Saya dibawah Kementerian Kebudayaan ya. *So [jadi]* dalam tahun 2004, saya dijemput mengambil bengkel jurulatih seni budaya negara. Di mana saya belajar pelbagai-bagai tarian tradisi Malaysia.

NFE: **Mm-hmm.**

VSV: Seperti Inang, Joget, Zapin, Asli, Portugis, Layang Mas, Tarian-tarian Istana, Kuda Kepang, Sumazau, Tarian Ulu, banyak lagilah, Melanau, Iban, jenis tarian Iban lepastu Limbai. (gangguan bunyi daripada NFE) Banyak saya belajar. *So [jadi]* selama enam [6] tahun saya berkursus dengan Kementerian Kebudayaan.

NFE: **Mm-hmm (angguk).**

NEA: *Kiranya, tarian-tarian tu untuk madam [puan] mengajar (menunjukkan isyarat tangan) atau madam [puan] simpan sebagai madam [puan] punya salah satu [1] tarian lain yang madam [puan] mahir?*

VSV: Saya - - sebenarnya bukan mengajar _____.

NEA: **Ouh bukan untuk mengajar (sapu hidung).**

VSV: Mengajar di sekolah. (tunjuk tangan ke arah kiri) (sapu hidung).

NFE: **Oh (angguk).**

NEA: **Kiranya _____**

VSV: Kementerian Kebudayaan akan menjemput saya ke sekolah-sekolah yang terpilih (menunjukkan isyarat tangan) dan saya kena latih budak-budak itu (senyum).

NEA: **Oh, faham. (angguk)(menyelak kertas).**

VSV: *So [jadi]* saya jugak salah satu [1] jurulatih cemerlang ya [Notifikasi masuk] [NFE menghilangkan notifikasi] mengajar tarian-tarian Rampaian, Inang, Joget, Zapin sebab sekolah yang saya pernah ajar tarian-tarian Inang, Joget, Zapin ni pernah jadi Johan dalam – Festival Tari. *So [jadi]* [Gangguan bunyi dari NFE] sekolah itu Sekolah Tengku

Ampuan Najihah [Sekolah Tuanku Ampuan Najihah] [Negeri Sembilan] (Gangguan bunyi daripada NFE) pernah menganugerahkan saya sijil jurulatih cemerlang. [Notifikasi masuk][NFE menghilangkan notifikasi].

NEA: (Menyelak kertas) Okay, so [jadi] itu sahaja untuk soalan khusus [sic umum]. So [jadi] kami akan (Gangguan bunyi daripada NFE) lebih mendalam lagi soalan kami, sebab yang ni kami akan masuk (menunjuk isyarat tangan) ke soalan khusus yang memang khas untuk soalan tarian Bharatanatyam.

VSV: (Angguk)

NEA: So [jadi] Fatin akan mulakan.

VSV: Okay

KHUSUS

NFE: (Senyum) Okay, puan – boleh tak puan ceritakan sedikit sejarah tarian - - tu Bharatanatyam ni?

VSV: Okay (Melihat kertas) Bharatanatyam adalah satu[1] tarian klasik India ya.

NFE: Oh.

VSV: Klasik India, Tarian Bharatanatyam kami ada tujuh [7] jenis. (Menunjuk isyarat tangan)
So [jadi] salah satu [1] jenis ialah Bharatanatyam berasal daripada Tamilnadu, India. Okay, ia sebenarnya (gangguan bunyi daripada NFE) dilahirkan di kuil [notifikasi masuk][NFE menghilangkan notifikasi] membuat persembahan ya sebagai upacara keagamaan. Sebenarnya dulu kita gunakan di upacara keagamaan sahaja. Tapi sekarang dah di keluar daripada kuil. Sekarang kita dah buat banyak persembahan di luar jugak.

NFE: Oh.

VSV: - - Tarian ini tarian Bharatanatyam ini adalah satu [1] tarian yang (menunjuk isyarat tangan) melawan kita punya *body anatomy* [anatomti badan] melawan.

NFE: Oh.

VSV: Sebab bila kita menari, kita akan duduk separuh.

NFE: Mm-hmm.

VSV: Kita tak menari berdiri, kita kedudukan duduk separuh (menunjukkan isyarat tangan).

NEA: (Angguk) Okay, faham.

VSV: Pernah tengok tak? (menunjukkan isyarat tangan).

NFE: Pernah.

VSV: Dia akan duduk macam ni (menunjukkan isyarat tangan) dah macam *diamond shape*.
[bentuk berlian]

NFE: Aah, pernah. (senyum)

VSV: *Diamond shape* [bentuk berlian] kaki dia (menunjukkan isyarat tangan). So [jadi] kita bila buat *diamond shape* [bentuk berlian] tu kaki (menunjukkan isyarat tangan) kita bila dah ada *diamond shape* [bentuk berlian] tu, kita kena buat (NFE batuk) pergerakan (menunjukkan isyarat tangan) *maintain* [kekal] kita punya “Aramandi”. So [jadi] tarian Bharatanatyam ini dikira sebagai satu (menunjukkan isyarat tangan) satu [1] keunikan tarian itulah.

NFE: Oh.

VSV: Sebab dia - - ada *energy* [tenaga] dia dan juga disiplin dia ada disitu (menunjukkan isyarat tangan). So [jadi] itu sedikit tentang tarian Bharatanatyam.

NFE: Maksud Bharatanatyam tu apa *madam* [puan]?

VSV: (angguk) Okay, maksud Bharatanatyam itu, ertinya ‘Bha’ - - ertinya ‘bhava’. ‘Bhava’ ertinya emosi. (menunjukkan isyarat tangan).

NFE: Mm-hmm.

VSV: Okay? Kadang-kadang bila kamu tengok tarian India kan dia ada (menunjukkan isyarat tangan) buat dia punya mimik muka dia kan? Cara perasaan kita yang di dalam (menunjukkan isyarat tangan) mengikut lagu tu. So [jadi] ‘Bha’ ertinya emosi.

NFE: Mm-hmm. (angguk)

VSV: (menunjukkan isyarat tangan) kedua tu ‘Ra’. ‘Ra’ ertinya ‘Ragam’. ‘Ragam’ bermaksud melodi. Okay, yang ke tiga [3] tu ‘Talam’ (menunjukkan isyarat tangan) tempo.

NFE: Oh.

VSV: ‘Talam’ (menunjukkan isyarat tangan) ertinya tempo. ‘Ta’ ‘Talam’. Lepastu yang *last* [akhir] sekali tu (menunjukkan isyarat tangan) ‘Natyam’. ‘Natyam’ ertinya tarian. So

[jadi] (menunjukkan isyarat tangan) ‘Bha’’Ra’’Ta’’Natyam’ ertinya (menunjukkan isyarat tangan) emosi, melodi, dan tempo.

NEA: Tarian?

VSV: (menunjukkan isyarat tangan) Disatukan jadi tarian.

NFE: Tarian.

NEA: Oh (angguk) Faham, itulah maksud dia.

NFE: Pada puan, apa keunikan tarian ni?

VSV: Keunikan tarian Bharatanatyam adalah sesiapa yang belajar Bharatanatyam [Gangguan bunyi daripada NFE] *automatically* [secara automatik] kita akan jadi disiplin.

NFE: Mm-hmm.

VSV: Sebab apa (menunjukkan isyarat tangan) kita dah dengar gendang dia, gendang automatik *body* [badan] kita dah *standby* [siap sedia] dah. Bila dengar gendang (menunjukkan isyarat tangan) tu. Gendang tu permulaan gendang tu pun kita dah mula jadi disiplin. Lagi satu [1] kalau nak menari tarian Bharatanatyam ni, kalau kita tak disiplinkan diri kita, kita susah nak fokus.

NFE: Mm-hmm (angguk).

VSV: *So* [jadi] keunikan dia (menunjukkan isyarat tangan) fokus, maksud saya fokus. Macam tarian Bharatanatyam ni, bila kita buat gerak tu. Dia ada – akan *involved* [melibatkan] kita punya seluruh badan. Macam mana *involved* [melibatkan] memang semua tarian *involved* [melibatkan] seluruh badan. Tapi tarian Bharatannatyam ini, kalau kita buat satu [1] pergerakan tu, dia ada pergerakan mata (tangan ditunjukkan ke mata), dia ada pergerakan leher (tangan ditunjukkan ke leher), dia ada pergerakan kepala (tangan diletakkan di dagu dan digerakkan), tangan, kaki. *Timing* [masa] kena jaga.

NFE: Oh.

VSV: Pergerakan tangan kena jaga, mata nak pergi kemana. *So* [jadi] benda ni (menunjukkan isyarat tangan) akan dibuat dalam sekaligus. Bukan kita letak tangan tu lepastu mata pergi bukan. Mata, tangan, kaki, dia punya ritma dia, dia punya kepala dia, dia punya leher dia, semua kena fokus. Kalau kita tak fokus, kita tak boleh buat, *so* [jadi] satu [1]

keunikan tarian ini. Lagi satu [1] yang saya ceritakan tadi, yang kita kena buat gerak (menunjukkan isyarat tangan) ini dengan separuh duduk.

NFE: Oh.

VSV: Dimana macam - - ‘Charlie Chaplin’ [filem] kan. ‘Charlie Chaplin’[filem] kan jalan macam tu kan? (menunjukkan isyarat tangan) *So* [jadi] kita kena buat semua gerak dalam posisi itu.

NFE: Oh.

VSV: *So* [jadi] dimana agak (menunjukkan isyarat tangan) sukar untuk kita buat sebab itu saya cakap kita lawan kita punya *gesture* [gerak isyarat], *body* [badan] punya *gesture* [gerak isyarat].

NFE: Mm-hmm.

VSV: Itu satu [1] keunikan Bharatanatyam.

NFE: Betul, puan - - bermula minat pada tarian ini pada bila? Mula-mula berminat.

VSV: Dari kecil, tadi saya ada bagitahu kan? Bapak saya pemain muzik.

NFE: Aah.

VSV: *So* [jadi] selalunya ada latihan dirumah saya.

NFE: Tarian memang tarian Bharatanatyam lah?

VSV: Bapak saya akan ajak kawan _____ ya?

NFE: Memang - - tarian Bharatanatyam? Ke?

VSV: Hm, tak. Masatu saya kecil. Saya tak belajar tarian Bharatanatyam Saya tengok apa-apa yang ada dalam TV tu, *just* [Cuma] bantai jelah (gelak).

NFE: (Gelak).

VSV: Apa-apa je saya buat. Tapi sekarang nak - - kalau kita ingatkan benda-benda dulu, tergelak (menunjukkan isyarat tangan) sebab kita tak tahu apa benda tu.

NFE: Ha. (angguk)

VSV: Kita nak berguru pun takde guru nak mengajar tempat yang saya tinggal.

NFE: Oh, faham.

VSV: So [jadi] tapi minat saya memang mendalam lah. So [jadi] saya suka buat, masa sekolah rendah, saya aktif dalam semua persembahan dalam sekolah. (menunjukkan isyarat tangan) Ambil bahagian lah, kalau cikgu kalau ada penyampaian hadiah ada *performance* [persembahan]. Sayalah orang pertama yang masuk. Tak kiralah tarian India ke, tarian Cina ke, tarian Melayu ke, saya masuk.

NFE: Oh.

VSV: So [jadi] (menunjukkan isyarat tangan) masa di sekolah menengah pun memang saya aktif. Tapi saya tak dapat berguru dengan sesiapa pun, masa tu.

NFE: Oh.

VSV: Sebab memang takde guru. So[jadi] (menunjukkan isyarat tangan) lepas saya habis saya punya *form three* [3] [tingkatan tiga] saya masuk tingkatan empat [4]. Bila saya pindah (menunjukkan isyarat tangan) ayah saya hantar saya pergi ke KL [Kuala Lumpur]. Disitu, saya bekerja sebagai seorang *nurse* [jururawat] di Poliklinik Mediviron di Gombaklah di Gombak [Selangor]. So [jadi] saya memang ada berminat nak belajar ni, so [jadi] saya tanya - - kawan-kawan sayalah “Ada tak siapa-siapa cikgu yang mengajar Bharatanatyam”. Pastu (menunjukkan isyarat tangan) saya dapat tahu, saya pergi belajar disitu di Gombak - - [Selangor]. So [jadi] dari situlah dan masatu (menunjukkan isyarat tangan) umur saya dah masuk lapan belas [18] tahun.

NFE: Oh.

VSV: So saya berguru betul-betul (menunjukkan isyarat tangan) dengan cara menari lapan belas [18] tahun.

NFE: Oh, maksudnya lapan belas [18] tahun tu baru belajar tarian Bharatanatyam?

VSV: Ya (menunjukkan isyarat tangan) dengan - - modul yang betul.

NFE: Oh, (angguk) faham.

VSV: Sebelum itu (menunjukkan isyarat tangan) tengok TV kita buat, tapi mesti ada salah kita buat kan?

NFE: Aah.

VSV: Mesti ada dia punya teknik dia salah. Tapi (menunjukkan isyarat tangan) bila berguru dengan seorang tu barulah dapat tahu, boleh dapat membetulkan cara kita menari.

NEA: Oh faham. So [jadi] dari situ kiranya jadi inspirasi (menunjukkan isyarat tangan) puan ialah ayah puan lah kan?

VSV: Ayah dan sebenarnya ayah - - saya seorang warah. Dia ni tak suka (menunjukkan isyarat tangan) anak perempuan macamni lah. Sebab apa (meleraskan kamera) tulah zaman kita ni tak macam zaman sekarang. (menunjukkan isyarat tangan) So [jadi] kita macam terbatas.

NEA: [Notifikasi masuk][NFE menghilangkan notifikasi] Ha, betul untuk anak perempuan.

VSV: (Menunjukkan isyarat tangan) Kita tak boleh aah, ya yes [ya]. Even [pun] di sekolah [notifikasi masuk][NFE menghilangkan notifikasi] pun bila saya buat persembahan, saya selalu tak bagitahu ayah saya sebab (menunjukkan isyarat tangan) kena marah. Tapi - ibu saya tahu (senyum). Saya bagitahu tapi yang mendorong saya yang (menunjukkan isyarat tangan) tahu (NFE batuk) yang saya ini ada bakat, ibu saya.

NFE: Oh.

VSV: Bapak saya, dia (menunjukkan isyarat tangan) dia risau [notifikasi masuk][Fatin menghilangkan notifikasi] tentang keselamatan kita. So [jadi] dia takut nanti saya pergi menari sana, menari sini (menunjukkan isyarat tangan) nanti akan jadi (gelak) masalah ke. Dia risau semua benda tu sebab anak perempuan kan?

NFE: Aah.

VSV: Tapi ibu saya dia (menunjukkan isyarat tangan) menggalakkan dan betul-betul dia yang mendorong saya.

NEA: [Notifikasi masuk][NFE menghilangkan notifikasi] So [jadi] kiranya ibu - - puanlah yang menjadi inspirasi?

VSV: Yes [ya] ibu saya. (senyum).

NEA: So [jadi] kenapa puan pilih untuk mahir dalam bidang tarian ni? Kalau dalam (menunjukkan isyarat tangan) banyak-banyak bidang macam contoh bidang - anyaman ke, kenapa puan memilih untuk (Puan Savithri gelak) mahir dalam bidang tarian ni pulak?

VSV: Saya pun tak tahu, kadang-kadang kita ni dipilih oleh ‘Yang Maha Kuasa’.

NEA: Mm-hmm. (angguk)

VSV: Saya rasa saya fikir macam tu. Sa – Bukan semua orang yang boleh menari kan?

NEA: Ya, betul.

VSV: Bukan semua orang boleh menyanyi dan bukan semua orang yang boleh main muzik.

NFE: Aah, betul (angguk).

VSV: *So [jadi] orang-orang yang macam ni, orang-orang yang dipilih oleh ‘Yang Maha Kuasa’ sebab dia nak peliharakan seni dan budaya. So [jadi] mungkin saya adalah salah seorang yang dipilih oleh-Nya.*

NFE: Mm-hmm. (angguk)

VSV: Itu yang saya selalu fikir sebab apa, (menunjukkan isyarat tangan) Sebab saya tak sangka saya akan jadi jurulatih seni budaya negara, saya tak sangka saya jadi fasilitator, saya pun tak sangka saya jadi seorang tokoh. (Menunjukkan isyarat tangan) Semuanya terjadi begitu sahaja. Sebab saya fokus dan berhati satu [1] untuk betul-betul memelihara tradisi kita. Bukan sahaja tradisi tarian India, semua.

NFE: Oh.

NEA: Kiranya puan betul-betul ikhlas kan, *so [jadi] daripada situlah (menunjukkan isyarat tangan) banyak -- anugerah yang puan dapat kan.*

VSV: (Angguk) Yes [ya].

NEA: **Sebab selalu pun kalau (menunjukkan isyarat tangan) kita buat kerja dengan ikhlas tu, mungkin kita dapat balasan yang baik selalunya kan?**

VSV: Baik, (angguk) betul.

NEA: _____.

VSV: *So [jadi] takdelah plan [rancang] macam, okay kalau saya buat ni saya akan dapat tumpuan orang. (Menunjukkan isyarat tangan) saya buat ni takde plan [rancang] tapi saya pun macam Fatin telefon (menunjukkan isyarat tangan) Fatin dengan Elly ni interview [temuramah] saya pun bukan plan [rancang] kan? Saya pun tak tahu macam mana you all [kamu semua] boleh dapat (menunjukkan isyarat tangan) nama saya. Disitu ada nama ramai orang, tapi boleh pilihan?*

NFE: Aah (senyum).

VSV: Tapi takde (menunjukkan isyarat tangan) sebab “Yang Maha Besar” tu, dia nak jugak.
Dia nak buat *something* [sesuatu] untuk saya. Betul tak? (gelak).

NFE: Betul (angguk dan senyum).

VSV: (Gelak) Saya fikir macam tu.

NFE: Betul-betul (senyum).

NEA: So [jadi] kiranya puan sekarang ni aktif lagi tak dalam buat persembahan ke puan lebih aktif (menunjukkan isyarat tangan) dalam mengajar sahaja?

VSV: Ha, saya aktif. Saya masih menari lagi, saya masih mengajar dan masih mengajar dan masih menari.

NFE: Oh.

VSV: Persembahan yang terakhir saya buat ialah 2019 [sic, 2018]. Pastu dah masuk 2019 dah ‘Covid’ [Corona Virus] dah. Takde *show* [persembahan] (gelak).

NEA: Kiranya – (menunjukkan isyarat tangan) kalau ada tak perbandingan antara (NFE batuk) dalam menjadi pengajar dengan buat persembahan itu sendiri. Puan lebih – suka menjadi (menunjukkan isyarat tangan) pengajar atau _____.

VSV: Okay, mengajar. Saya lebih suka mengajar (senyum).

NEA: Oh, puan lebih suka mengajar.

VSV: Sebab bila kita mengajar tu, kita rasa you know [kamu tahu] hati kita ni bila tengok budak-budak (menunjukkan isyarat tangan) tu dapat buat benda tu dengan betul. Disitu kita rasa macam - - (menunjukkan isyarat tangan) penuh dalam hati kita - - dah apa yang kita buat, apa yang *task* [kerja] kita buat tu dia jadi ada berisi.

NEA: (Angguk).

VSV: (Menunjukkan isyarat tangan) apa yang saya buat tu ada - - dia punya apa – *what do you say* - [apa perlu kata]

NEA: Kepuasan (Menggaru kening).

VSV: Apa, macam mana nak cakap ya? (NEA mencelah) Ha, kepuasan bila mengajar. (menunjukkan isyarat tangan) Menari tu adalah kepuasan tersendiri.

NFE: Oh.

VSV: Kalau saya buat persembahan, (menunjukkan isyarat tangan) saya selalu menari disini (menunjukkan dada). Saya tak suka menari dari sini (menunjukkan kepala).

NFE: Mm-hmm.

VSV: *So*, [kalau] saya menari dari - sini (menunjukkan dada) (NEA mencelah) Kita _____ yes [ya] kita (menunjukkan isyarat tangan) berbuat persembahan daripada kita punya *inner feeling* [perasaan dalaman].

NFE: Oh.

VSV: (Menunjukkan isyarat tangan) Tetapi bila mengajar, dia akan tambah (menunjukkan dada) dari sini dan kita boleh nampak *feedback* [maklumbalas] itu *immediately* [secepat mungkin] Kita tengok anak murid kita, [gangguan bunyi daripada NFE] pelapis kita buat persembahan. (menunjukkan isyarat tangan) lepastu kita jadi lagi – *happy* [gembira] *you know* [kamu tahu]. Ha itu satu [1] saya lagi suka mengajar.

NFE: Oh. (senyum)

VSV: Saya lebih suka mengajar (senyum).

NEA: (Melihat kertas) *So* [jadi] Fatin, teruskan.

NFE: *So* [jadi] – puan ambik masa berapa lama untuk – menguasai satu-satu tarian tu? Biasanya lah.

VSV: Ini kalau macam saya - - *start* [mula] umur lapan belas [18] tahun.

NFE: Mm-hmm (angguk).

VSV: Tapi (menunjukkan isyarat tangan) dalam empat [4] tahun, saya sudah buat graduasi yang tertinggi dalam Bharatanatyam.

NFE: Mm-hmm (angguk).

VSV: Saya (menunjukkan isyarat tangan) belajar Inang, Joget, Zapin kursus empat [4] hari. Empat [4] hari, satu [1] hari kursus tarian Zapin, Inang, Joget, dan Asli. (Menunjukkan isyarat tangan) Dalam empat [4] hari tu, saya dapat boleh dapat menguasai gerak tu. *So* [jadi] terpulang pada individu - - (menunjukkan isyarat tangan) Kalau kita [Notifikasi masuk][NFE menghilangkan notifikasi] ni minat, betul - - ada minat kita akan menguasai sesuatu tarian tu lebih cepat. Kalau macam kita takde minat tapi kita nak

menari, (menunjukkan isyarat tangan) macamtu saya rasa bertahun-tahunlah nak belajar.

NEA: Mm-hmm, betul.

VSV: Kalau (menunjukkan isyarat tangan) kita minat, kita betul - - minat. Kita nak buat benda ni, (menunjukkan isyarat tangan) balik rumah ja “Harini cikgu bagi ni, saya kena siapkan” *Everyday* [setiap hari] *practise*. [berlatih] *Practise makes you perfect*. [Berlatih membantu kamu menjadi baik] (menunjukkan isyarat tangan) Selalu dia buat - - *so* [jadi] baru kita boleh mahir. *So* [jadi] (menunjukkan isyarat tangan) anak murid macamni - - dia cepat dapat.

NFE: Oh.

VSV: Ada yang anak murid saya (menunjukkan isyarat tangan) dia dalam tiga [3] tahun dia ada *graduate* [graduasi], ada yang dalam setahun [1] *graduate* [graduasi]. Ada yang sembilan [9] tahun pun, tak belajar apa-apa.

NFE: Oh.

VSV: Masih yang dengan asas sahaja (menunjukkan isyarat tangan). *So* [jadi] itu terpulang pada individu.

NFE: Faham (angguk).

VSV: Terpulang pada individu. (melihat kertas)

NFE: Puan, boleh tak ceritakan tentang enam [6] peringkat - - (melihat kertas) dalam tarian ni?

VSV: Enam [6] peringkat dalam tarian ya?

NFE: Aah (angguk).

VSV: Okay, Bharatanatyam (menyalak kertas) ni, kita [Gangguan bunyi daripada NFE] panggil dia ‘Margam’ (mengusap hidung) ‘Margam’- - ertinya satu [1] set *repertoire* [persesembahan yang dipersembahkan oleh penari]. *Repertoire* [persesembahan yang dipersembahkan oleh penari] (menunjukkan isyarat tangan) yang kita buat [gangguan bunyi daripada NFE] sebelum kita apa katakan kira kalau kita habiskan ‘Margam’ ni. Dikatakan sebagai (menunjukkan isyarat tangan) satu [1] set - - kita dah habis macam satu [1] set tarian itu. *So* [jadi] kita macam ni, saya bagi satu [1] contoh ya? Bagi *you*

all [awak semua] faham sikit. Kalau kita pergi belajar (menunjukkan isyarat tangan) sekolah.

NFE: Mm-hmm.

VSV: Mula-mula (menunjukkan isyarat tangan) kita akan diajar dengan huruf kan?

NFE: Aah (angguk).

VSV: A B C D kan? Lepastu kita akan (menunjukkan isyarat tangan) diajar dengan [Gangguan bunyi daripada NFE] suku kata. Lepas kita dah belajar suku kata. Baru kita belajar membaca. Betul tak?

NFE: Betul-betul (angguk).

VSV: Di sekolah. *So* [jadi] (menunjukkan isyarat tangan) sama jugak dalam tarian Bharatanatyam. Kita akan diajar huruf ertinya pergerakan sahaja. Kemudian, kita akan diajar gabungan pergerakan.

NFE: Mm-hmm (angguk).

VSV: Iaitu suka kata. Lepas dah buat pergerakan, gabungan pergerakan. Baru kita (menunjukkan isyarat tangan) akan masuk menari.

NFE: Mm-hmm.

VSV: Sebelum tu kita tak boleh menari, samalah macam belajar huruf, belajar suku kata, lepastu baru belajar membaca. Sama jugak.

NFE: Oh.

VSV: *So* [jadi] (menunjukkan isyarat tangan) lepas kita dah belajar menari. Cikgu-cikgu atau guru-guru yang mengajar Bharatanatyam ni akan pilih enam [6] elemen tarian ini.

NFE: Mm-hmm.

VSV: *So* [jadi] (menunjukkan isyarat tangan) enam [6] elemen tarian ini, yang pertama adalah ‘Puspanjali’ digabung dengan ‘Allaripu’ okay? ‘Puspanjali’ ertinya _____ Dia ada enam [6] kan? Dia _____ You [kamu] nak satu [1] - -saya nak *explain* [jelaskan] ke atau (menunjukkan isyarat tangan) terus bagi nama je?

NFE: Boleh-boleh [Serentak dengan NEA] *explain* [jelaskan] satu [1] - -.

NEA: Kalau madam [puan] tak kisah boleh je. [NFE menyampuk].

VSV: Ha, okay ‘Puspanjali’ ‘Allaripu’ adalah permulaan (menunjukkan isyarat tangan) (NEA mengangguk) untuk *repertoire* [persembahan yang dipersembahkan oleh penari] tu.

NFE: Mm-hmm.

VSV: So [jadi] pembukaan persembahan (menunjukkan isyarat tangan) biasanya kita ada ‘Puspanjali’ dan ‘Allaripu’ dimana kita macam merupakan doalah, macam baca doa dan mengucap terima kasih kepada ‘Yang Maha Kuasa’ dan guru kita.

NFE: Mm-hmm.

VSV: Dan (menunjukkan isyarat tangan) *audience* [penonton] semua. So [jadi] itu yang permulaan. Tarian permulaan kemudian kita akan masuk ke ‘Jathiswaram’ merupakan pergerakan tanpa emosi. Dalam pergerakan ‘Jathiswaram’ ni ‘Jathiswaram’ takde emosi dekat muka (memegang dagu) [Gangguan bunyi daripada NFE] Emosi dia hanya senyum aje. Buat gerak ape pun senyum aje. Takde (menunjukkan isyarat tangan) ada macam marah, macam ada yang nak - - *face* [muka] dia ada perasaan lah. Takde apa-apa, kita senyum je menari. Tapi dengan adanya lagu yang berulang-ulang (menunjukkan isyarat tangan) dimana kita akan menggabungkan semua jenis - - pergerakan lepastu kita akan menari mengikut lagu tu.

NFE: Mm-hmm.

VSV: So [jadi] itu ‘Jathiswaram’. Yes [ya] (melihat kertas) Ketiga itu (menunjukkan isyarat tangan) ‘Sabdham’. ‘Sabdham’ ertinya satu [1] tarian yang penuh dengan emosi.

NFE: Mm-hmm.

VSV: (Menunjukkan isyarat tangan) kita ada jalan cerita dia. Jalan cerita tu kita akan buat *face expression* [mimik muka]. Okay? Ada tadi yang saya cakap ‘Bhava’ tu kan?

NFE: Aah.

VSV: Mimik muka (menunjukkan isyarat tangan) so [jadi] ‘Sabdham’ kebanyakan dia ada emosi muka. ‘Varnam’ - - adalah satu [1] tarian (menunjukkan isyarat tangan) yang sangat penting dalam *repertoire* [persembahan yang dipersembahkan oleh penari] Bharatanatyam ya? Sebab tarian ni ‘Varnam’ ni kita menari tiga puluh [30] minit hingga empat puluh [40] minit, ada yang satu [1] jam pun boleh menari. Tanpa berhenti, takde berhenti mana-mana. *Continue dancing* [sambung menari] ha, yes. [ya].

NFE: Mm-hmm.

VSV: So [jadi] ini tarian ini seorang anak murid kalau buat untuk *repertoire* [persesembahan yang dipersembahkan oleh penari] ni, dimana kita akan menguji stamina dia -. Dalam tarian ini menunjukkan isyarat tangan) kita ada pergerakan yang laju, yang *slow* [perlahan] kita ada *face* [muka] ‘Abinaya’ Kita ada _____ ‘Abinaya’ ertinya emosi muka lepastu ada jalan cerita.

NFE: Oh.

VSV: Kebanyakan cerita - - dalam ‘Varnam’ ni atau tarian Bharatanatyam ni, kebiasaannya kita ambil dari cerita-cerita Epik dan juga cerita-cerita ‘Dewa’ dan ‘Dewi’.

NFE: Mm-hmm.

VSV: Kebanyakannya. So [jadi] ini satu [1] _____ tarian Bharatanatyam ini juga (menunjukkan isyarat tangan) menguji kemahiran seorang penari itu gabungan emosi dan pergerakan juga. So [jadi] ‘Varnam’ sangat penting. ‘Varnam’ lagi satu [1] maksud ertinya warna (menunjukkan isyarat tangan).

NFE: Oh (NEA menyampuk).

VSV: So [jadi] *different shades* [warna berlainan] ‘Varnam’ dia punya *different shades* [warna berlainan]. So [jadi] dalam ‘Varnam’ ni dia ada macam-macam *shades* [warna]. Yang tadi saya cakap ada gerak laju (menunjukkan isyarat tangan), ada gerak *slow* [perlahan] [NEA mencelah] pastu ada mimik muka dia, ada kelakar dia, kalau kita ni sedih, ada kesedihan dia, semua ada dalam tu. So [jadi] dia jadi ‘Varnam’ jadi warna.

NFE: Oh.

VSV: Yang - - lagi satu [1] tu ‘Patham’. (Menunjukkan isyarat tangan) ‘Patham’ juga ada jalan cerita, lepas ‘Varnam’ ni ‘Varnam’ ni lebih kurang setengah [30] jam atau empat puluh [40] minit. Penari tu dah jadi letihkan?

NFE: Mm-hmm (senyum).

VSV: So [jadi] tarian ‘Patham’ (menunjukkan isyarat tangan) ni mungkin dia punya muzik tu mungkin laju tapi macam *settle* [mendatar] sikit. You [kamu] boleh *breath in* [menarik nafas] dan *breath out* [menghembus nafas] lah sebab tarian ‘Patham’ ni ada jalan cerita dia. Dia - - kebanyakan dia takde pergerakan kaki [sic, pergerakan kaki ada] tapi bukan yang sangat laju macam ‘Varnam’ tadi.

NFE: Oh (angguk).

VSV: Dia biasanya menjalankan (menunjukkan isyarat tangan) macam teater la.

NFE: Aah (angguk).

VSV: Ada (menunjukkan isyarat tangan) cerita. Lepastu *the last one* [1] is [akhir sekali ialah] 'Thilana', adalah klimaks *repertoire* [persesembahan yang dipersembahkan oleh penari] - - yang *last* [akhir] sekali. *So* [jadi] kebiasaan 'Thilana' ni dia rancak (menunjukkan isyarat tangan) - - sebab kita nak - - sebenarnya dia dah jadi penutup dah. *So* [jadi]

NEA: Dah nak habis dah.

VSV: Ha, dia dah nak habis, *so* [jadi] (menunjukkan isyarat tangan) bila buat tarian 'Thilana' ni, dia pergerakan yang cantik tau. Memang cantik, kita dah pun kita *audience* [penonton] pun boleh rasa "Wow [wah] cantik lah ni." Kita ada satu [1] macam kira *happening* [gembira].

NFE: Oh (angguk).

VSV: *Ending* [pengakhiran] dia pun dah jadi *happening* [gembira] dah. *So* [jadi] 'Thilana' (menunjukkan isyarat tangan) ada juga pergerakan, ada *face expression* [mimik muka] dan keasyikan dia pun ada. Kita boleh rasa *very happy to see* [sangat gembira untuk melihat] orang buat 'Thilana'. (Melihat kertas) *So* [jadi] itu satu [1] 'Thilana' ----- Lagi satu [1] lirik 'Thilana' ni dia ada ulang-ulang perkataan 'Thilana' dalam tu. Macam nilah kalau saya *just* [Cuma] nyanyikan satu [1] lagu ya?

NFE: Boleh.

VSV: (Menyanyikan lagu) (menunjukkan isyarat tangan) 'Thilana' ada. Kalau lagi satu [1] (menyanyikan lagu) Mesti ada. Apa jenis lagu dia pun, dia punya melodi je lain. Tapi mesti ada dia punya [NEA menyampuk] perkataan 'Thilana' tu dalam tarian [sic, lagu] tu.

NFE: Oh (senyum).

VSV: Ha, kalau - - macam (menunjukkan isyarat tangan) kaum lain bila dia dengar, sebutan tu 'Thilana'. Dia tahu tarian ni 'Thilana'. Mesti ada.

NFE: Oh (senyum).

VSV: Ada banyak, banyak 'Thilana' (menyanyikan lagu). Mesti ada 'Thilana' (gelak).

NFE: Aah (senyum).

VSV: Lagu (menunjukkan isyarat tangan) dia memang macamtu. Tapi dia punya melodi dia lain-lain.

NFE: Oh.

VSV: Semua jenis lagu tu (menunjukkan isyarat tangan) kalau kita letak ‘Thilana’. Dia punya ‘Raga’ tu dia nama lain. Mungkin ‘Raga’ tu ‘Indonom’ Kadang-kadang ada ‘Raga Paras’, kadang-kadang ada ‘Raga Dash’. Ada macam-macam ‘Raga’. Yang tadi saya sebut ‘Jathiswaram’ pun ada juga ‘Raga’. So [jadi] tapi kalau kita dengar, dia punya -- melodi tu lain. Tapi (menunjukkan isyarat tangan) dia punya lirik tu mungkin ada persamaan. Tapi dia punya melodi dia lain. So [jadi] memang tarian ‘Thilana’ memang macam tu. ‘Jathiswaram’ pun lebih kurang macam tu jugak.

NFE: Oh.

VSV: Itulah (menunjukkan isyarat tangan) yang enam [6] elemen dalam Bharatanatyam.

NFE: Oh.

VSV: Yang mungkin kita akan buat persembahan dalam kurang satu [1] jam setengah [30 minit].

NFE: Mm-hmm.

NEA: So [jadi] dalam (menunjukkan isyarat tangan) satu [1] jam setengah [30 minit] tu memang elemen-elemen enam-enam [6] ni ada? Cukup? Selalunya?

VSV: Ada (menutup mulut).

NFE: Oh (angguk).

NEA: Kiranya (menunjukkan isyarat tangan) daripada awal sampai penutup dia memang ada elemen-elemen ni (angguk).

VSV: Ya -- (melihat kertas)

NEA: (Melihat kertas) Fatin, teruskan.

NFE: So [jadi] maksudnya disebalik elemen-elemen ni (menunjukkan isyarat tangan) apa perbezaan antara enam [6] peringkat dalam tarian ni [kertas terselak] _____.

NEA: Itulah yang madam [puan] ceritakan tadi tu lah.

VSV: Ha, (menunjukkan isyarat tangan) yang saya dah ceritakan sekali.

NFE: Oh - - termasuklah. Maksud (menunjukkan isyarat tangan) disebalik elemen-elemen tu yang El cakap tadi kan?

VSV: Ya.

NEA: So [jadi] kiranya (melihat kertas) maksud-maksud dia pun tadi *madam* [puan] dah terangkan kan? Maksud dia tadi kan? [NFE mencelah].

VSV: Maksud-maksud pun dah terangkan.

NEA: So [jadi] (menulis kertas) saya ada baca yang dia cakap. Takde la dia cakap, takdela dia *state* [nyatakan] kan ada persamaan tapi bila saya baca tu macam “Betul ke Bharatanatyam ni ada persamaan dengan yoga?”

VSV: Mungkin ya (melihat kertas) sebab apa, sebab pergerakan ada persamaan dia. (NFE batuk) Sedikit je. Sebab bila buat yoga ni, dia ada pernafasan.

NEA: (Angguk) mm-hmm betul-betul.

VSV: Tapi Bharatanatyam ni kalau bila kita menari, kita tak tahu bila kita (gelak) kita buat pernafasan pun. So [jadi] tapi (menunjukkan isyarat tangan) dia punya pergerakan ni ada sebab ada setengah-setengah pergerakan dalam Bharatanatyam kita akan buat sama. So [jadi] bila kita buat benda tu sama *again and again* [berulang kali]. Mungkin satu [1] macam kita (menunjukkan isyarat tangan) hentak kaki kita, kita kata mungkin itu mungkin akan mengurutkan tapak kaki kita sampai ke kepala. So [jadi] ada persamaan.

NFE: Mm-hmm (angguk).

VSV: Yoga dengan Bharatanatyam. [Notifikasi masuk][NFE menghilangkan notifikasi].

NEA: So [jadi] (melihat kertas) kiranya koreografi ni memang (menunjukkan isyarat tangan) di ciptakan oleh puan ataupun (VSV melaraskan kamera) sebenarnya koreografi ni memang daripada awal pembelajaran Bharatanatyam ni memang puan buat?

VSV: Okay, sebenarnya koreografi ni (Mengambil masa untuk mengecas telefon).

NEA: (Menunjukkan isyarat bagus)

NFE: (Menunjukkan isyarat bagus) [Notifikasi masuk][NFE menghilangkan notifikasi]

VSV: Saya ubah alih kedepan sikit boleh? Boleh tak?

NEA: Boleh-boleh.

VSV: Okay, Nampak? Okay. Tadi apa soalan yang *you* [kamu] tanya?

NEA: (Melihat kertas) Pasal koreografi [NFE melaraskan kamera] Koreografi tarian tu memang puan sendiri yang cipta atau memang daripada asal Bharatanatyam tu?

VSV: Memang asal, dia punya (VSV melaraskan kamera) asal. Macam saya cakap tadi kan? [gangguan bunyi daripada NFE] Kita ada _____.

NEA: Elemen-elemen tadi tu?

VSV: Kita ada gerak dia _____ ikut kadang-kadang apa (menunjukkan isyarat tangan) yang cikgu saya ajar _____ (Mesaraskan kamera) Boleh nampak saya tak?

NFE: Boleh-boleh [notifikasi masuk][NFE menghilangkan notifikasi].

VSV: Nampak tak?

NFE: Nampak-nampak (serentak dengan NEA) (melaraskan kamera).

VSV: Cikgu saya _____ Kadang-kadang _____ tarian-tarian yang pernah (menunjukkan isyarat tangan) saya belajar [gangguan bunyi daripada NFE] daripada cikgu saya, setengah tu saya *preserve* [pelihara] apa yang cikgu saya ajar _____. Tapi ada jugak lagu-lagu yang baru (menunjukkan isyarat tangan) dalam Bharatanatyam ni. Saya akan ambil lagu tu, saya akan koreografi saya sendiri.

NEA: Oh, faham (angguk)(mengalihkan kertas) so [jadi] kiranya kalau memang nak-kekalkan originality [keaslian] tarian tu, kita ambil la ikut memang asas yang memang original. Tapi (menunjukkan isyarat tangan) kalau yang moden sikit. Mungkin lain la eh?

VSV: Ya, original memang- ya itu terpulang (menunjukkan isyarat tangan) [gangguan bunyi daripada NFE] pada apa yang cikgu saya ajar, saya boleh ikut tapi sebenarnya cikgu saya punya cikgu ajar macam mana, saya tak tahu. Mungkin ada perubahan (senyum).

NEA: Oh.

VSV: Terpulang _____ kita tahu [NFE batuk] (menunjukkan isyarat tangan) dia punya _____ tu _____ kita ada dia punya permulaan, dia punya tengah-tengah macam mana, dia punya akhir _____ [gangguan bunyi daripada NFE] *Rules* - [peraturan] dia tu kalau kita _____ [gangguan bunyi daripada NFE] boleh koreograf apa-apa lagu yang diberi.

NEA: *So [jadi] kiranya persembahan-persembahan ni yang mana yang zaman moden dengan zaman lama dia ada perubahan [sic, ada perbezaan] la kan?*

VSV: (Mengusap muka) Ya, ada. Sekarang ni ramai banyak ada perubahan tarian-tarian (melaraskan kamera) _____ [NFE batuk] tengok cerita-cerita yang dulu. [Gangguan bunyi daripada NFE] Kalau cerita-cerita yang lama kan, kita tengok tarian Bharatanatyam dia ada- perubahan sikit la. Kalau (menunjukkan isyarat tangan) tarian sekarang, dia ada perubahan lain tapi dia tak- lari daripada konsep yang ada.

NEA: Faham (angguk).

VSV: Mungkin- pergerakan tangan ataupun pergerakan (menunjukkan isyarat tangan) pandang ke mana, ada setengah orang pandang atas, setengah orang _____ Ada sedikit perubahan sahaja, tapi tarian- Bharatanatyam dari dulu sampai sekarang (menunjukkan isyarat tangan) *maintain* [kekal] *rules* [peraturan]. Kita tak boleh lari daripada kita punya *rules* [peraturan].

NFE: Mm-hmm

NEA: (Melihat kertas) Kalau pendapat [sic, pandangan] puan (menunjukkan isyarat tangan) kalau tarian ni digabungkan dengan tarian moden. So [jadi] agak-agaknya apa yang jadi? Sesuai? (senyum).

NFE: Okay tak? (gelak).

VSV: (Melihat kertas) saya rasa saya tidak tahu sebab saya lebih suka memelihara keasliannya dan _____ (NFE melaraskan kamera) ditinggalkan _____.

NEA: Kiranya _____.

VSV: _____ Yes [ya]. Kita kena (menunjukkan isyarat tangan) *maintain* [kekal] keaslian dia.

NFE: Oh.

VSV: *So [jadi]* saya tak berapa suka kalau kita modenkan.

NFE: Mm-hmm.

VSV: Tapi (menunjukkan isyarat tangan) boleh buat sesi baru _____ kena pelihara.

NEA: Maaf- puan (menunjukkan isyarat tangan) tak berapa nak dengar tadi, Apa?

NFE: Tersekat.

VSV: dengar, sekarang dengar?

NFE: Sekarang dengar (angguk)

NEA: Terputus tadi *time* [masa] waktu puan cakap pasal

NFE: Sesuai nak- buat yang baru.

NEA: Keaslian dia. Pasal _____ nenek moyang kan?

VSV: Saya tak berapa setuju kalau saya tak berapa setuju kalau digabungkan dengan tarian moden (NFE mencelah). Sebab saya lebih suka keaslian dia kita kena pelihara sebab generasi pun budak kena tahu.

NEA: Oh, (angguk) faham.

[Panggilan tergendala]

NFE: Ada orang *call* [telefon] kot.

NEA: Aah, mungkin. Fatin, berhenti kejap rekod.

VSV: Hello.

NEA: Fatin, rekod balik. Tekan balik rekod tu.

NFE: Ya. (senyum). Dah, tak.

VSV: Ada orang *call* [telefon] tadi pulak (gelak).

NEA: Oh (gelak).

VSV: (Gelak) _____.

NEA: Takpe takpe.

VSV: Nak *off* [tutup] pun tak boleh sebab tergendala kan? (Gelak).

NEA: Takpe- takpe.

VSV: Sampai mana tadi?

NEA: So [jadi] (melihat kertas) Fatin ceritakan yang pasal satu [1] *point* [perpuluhan] satu [1] lapan [8] Fatin.

NFE: Okay (VSV mlaraskan kamera) puan.

NFE: Kalau dekat (melihat kertas) Malaysia – Malaysia ni kan, tarian ni.

VSV: Ya, tak dengar la sayang.

NFE: Dengar-dengar (senyum) Fatin dengar.

VSV: Kuatkan sikit suara, tak dengar.

NEA: Fatin punya suara tak dengar.

NFE: Oh, tarian ni kalau dekat Malaysia, dekat negeri mana yang terkenal? Lebih dikenali la?

VSV: Fatin, suara tak dengar.

**NFE: Tak dengar ke? (senyum) Dekat Malaysia, tarian ni dikenali dekat mana? Dengar tak?
[Gangguan bunyi daripada NFE] Dengar tak?**

VSV: Kejap Fatin _____ Suara Fatin lembut sangat (gelak) [gangguan bunyi daripada VSV]
Okay Fatin?

NFE: (Gelak) Kalau dekat Malaysia, Puan dengar?

VSV: Baru dengar.

NFE: Tarian ni kalau dekat Malaysia, negeri mana yang terkenal? Yang lebih dikenali oleh negeri tu.

VSV: Dekat Malaysia? Semua, seluruh Malaysia terkenal.

NFE: Oh.

VSV: Seluruh Malaysia tahu tarian Bharatanatyam.

NFE: Oh. (Melihat kertas) Puan menggalakkan tak kalau tarian ni dikenalkan kepada kaum lain?

VSV: Ya, saya suka mengajar memang ada pun anak murid Melayu yang belajar dengan saya tarian-tarian klasik India ini. (NFE mlaraskan kamera) Tapi terbataslah sebab tarian-tarian India ni dia banyak ada keagamaan.

NFE: Oh.

VSV: tapi untuk saya, tapi saya tak pernah ada kesusahan mengajar pada kaum lain terutama kaum terutama Agama Islamlah kan? Sebab kita kena tahu apa itu adat, apa itu ibadat.

NEA: Mm-hmm, betul (angguk) [serentak dengan NFE].

VSV: *So [jadi]* kalau kita tahu adat dan ibadat. Di mana kita boleh guna adat. Di mana kita boleh guna ibadat. *So [jadi]* satu [1] contoh ya? Kalau Fatin dengan Elly pakai ‘Punjabi’ suit [Pakaian] atau ‘Saree’. Adat ke ibadat?

NEA: Tu adat [Serentak dengan NFE] (senyum).

VSV: *So [jadi]* (menunjukkan isyarat tangan) adat boleh ikut. Kalau orang India kan suka pakai putih kat sini kan? (Menunjuk dahi). *So [jadi]* yang pakai putih tu, dia ibadat.

NFE: Aah (angguk).

VSV: *So [jadi]* saya tak boleh paksa kaum ke atau lain yang datang belajar, mungkin dia Islam, mungkin dia Kristian. Saya tak boleh paksa pakai putih, tapi dia boleh pakai yang merah.

NEA: Oh, ada beza.

VSV: *So [jadi]* itu-itu. Yang merah tu boleh pakai (Menunjuk dahi). Itu bukan ibadat.

NEA: Oh, faham.

VSV: Kalau pakai putih, ibadat.

NFE: Oh. (angguk)

VSV: *So [jadi]* pakai merah, sekarang [NFE batuk] dah jual sticker [pelekat]. Memang benda tu bukan ibadat. Sebab-sebab itu benda tu dikeluarkan dalam sticker [pelekat]. Kalau benda ibadat mesti tak keluar dalam sticker [pelekat].

NFE: Betul.

VSV: Betul tak?

NFE: Betul-betul [gangguan bunyi daripada NFE].

VSV: Boleh pakai, merah tu boleh pakai (menunjuk dahi) sesiapa-siapa pun boleh pakai. Tak salah.

NFE: Oh.

VSV: Tapi kalau nak pakai putih tu, itu tak boleh sebab itu ibadat. *So [jadi]* (menunjukkan isyarat tangan) bila mengajar kaum lain ke atau agama lain, kita kena tahu apa itu adat

dan ibadat. Dan kita pecahkan benda tu dan takde masalah untuk mengajar agama lain ataupun kaum lain.

NFE: Betul.

VSV: Itu polisi sayalah. So [jadi] saya ada anak murid saya yang orang Melayu, yang pernah _____ kaki tu kan, kita gelang kaki tu kan?

NEA: Mm-hmm.

VSV: Kita ada ikat gelang kaki kan?

NFE: Aah.

VSV: So [jadi] kalau katakanlah seorang keluarga Hindu, dia ada upacara keibadatan. (menunjukkan isyarat tangan).

NFE: Aah.

VSV: Untuk buat ikat gelang kaki itu. Kalau katalah dia tu anak-anak itu daripada Kristian ke ataupun daripada agama Islam, (menunjukkan isyarat tangan) saya tak galakkkan mereka buat ibadat itu.

NEA: Oh [serentak dengan NFE] pakai gelang kaki tu.

NFE: Mm-hmm.

VSV: Kalau-kalau (menunjukkan isyarat tangan) macam orang Melayu, kita kalau orang Melayu. Kalau kita nak buat apa-apa _____ kita akan bacakan? Kita baca doakan?

NFE: Aah.

VSV: So [jadi] saya akan suruh orang (menunjukkan isyarat tangan) mak bapak diorang baca doa jelah, bersyukurlah yang anak dia nak pakai gelang kaki ni, dia nak menari. Itu je.

NFE: Oh.

VSV: Saya tak suruh dia ini kena buat cara India kita. Ni kena buat macam tu. So [jadi] kita kena tahu (menunjukkan isyarat tangan) itu yang saya katakan, seseorang itu bila mengajar tarian Bharatanatyam ni dia kena tahu apa itu adat dan apa itu ibadat.

NFE: Oh, sensitivitilah.

VSV: *So [jadi] takde masalah. Kalau kita dah tahu benda ni, kita takde masalah nak ajar kaum lain.*

NFE: Oh (angguk).

VSV: Ada orang pernah cerita tak benda ni? (gelak)

NFE: Tak. (gelak) (geleng kepala) takde [serentak dengan NEA].

NEA: Takde, takde (melihat kertas)

VSV: Sebab-sebab apa ni _____ saya suka mengajar kaum lain. *So [jadi] bila belajar dengan saya. Saya taknak mereka (menunjukkan isyarat tangan) jadi macam terbatas.*

NFE: Mm-hmm. (angguk)

VSV: _____ *So [jadi] saya _____ asingkan adat dengan ibadat. Ramai orang tak faham benda ni.*

VSV: Okay, cabaran saya ni macam ibu saya yang sangat menyokong saya. So [jadi] yang saya cakap tadi sebab (memegang kening) ayah saya tak berapa encourage [menggalakkan]. Dia tak berapa menyokong saya, so [jadi] rasa sedikit sedih lah tapi lama – kelamaan bila dia dapat tahu saya dalam *track* [laluan] yang betul. Dia – dia ada beri sokongan untuk saya menduduki semua graduasi dengan- dengan tidak ada apa – apa masalah daripada ibu bapa saya. Lepastu saya berkahwin, saya berkahwin saya rasa sedikit takut bila saya dah kahwin, saya rasa saya mungkin tak dapat melanjutkan lagi. Tapi suami saya seorang yang sangat baik (pergerakan tangan), dia kata “Takpe, saya akan habiskan graduasi kamu”. So [jadi] dia sangat membantu menghabiskan graduasi saya. Cabaran yang saya yang amat saya sukar menghadapi ialah bila saya dah berkahwin dah beranak. So [jadi] (memegang hidung) mula- mula saya kena jaga anak saya, saya juga kena jaga seni budaya saya, tarian ini. So [jadi] kena bagi *balance* [seimbang] lah sekali gus, so [jadi] sangat menyusahkan. Saya kena bawak anak saya ke mana kesian lah anak – anak, anak – anak seni ni anak – anak ibu bapa seni ni kesian tau. Ke mana mak bapak pergi kena angkut, kalau mak sorang cikgu tarian, angkut. Dia nak _ ke mana pun tak boleh lepas tu yang sulung pulak anak perempuan, so [jadi] saya bawak dia pergi sini, pergi sana, pergi sini. So [jadi] kadang kadang saya kesian dengan dia tau, dia tidak dapat (memegang hidung) bersama dengan kawan – kawan dia. Tapi ada masa disebabkan dia ikut saya, dia pun dah masuk *track* [laluan] yang saya ajar tapi pada masa tu sangat susah untuk saya [Notifikasi masuk][NFE menghilangkan notifikasi] sebagai seorang ibu dan sebagai seorang guru. Dan anak pulak belajar

bersama anak murid saya, adalah satu cabaran yang sangat susah. Sebab apa, kadang – kadang anak kita menari, anak kita ni memang pandai menari sebab dia dari - dari kandungan dia dah dengar dah bunyi tarian, betul tak?(menunjukkan pergerakan tangan sepanjang bercakap)

NEA: Betul (gelak) (serentak dengan NFE).

VSV: Kadang – kadang kita mengajar dengan anak murid lain, anak murid kita antaranya akan menjadi lebih sedikit *advance* [maju]. *So* [jadi] kadang – kadang kita kena jaga hati anak murid lain jugak. *So* [jadi] kalau masa keadaan macam (NFE membetulkan tudung) tu cabaran saya (menunjukkan pergerakan tangan) sangat susah. Saya mengalami macam – macam keadaan saya - kadang – kadang saya tak dapat jaga anak saya. Saya terpaksa jaga anak orang lain, hati anak orang lain. Anak kita, kita terpaksa tinggalkan dalam keadaan itu. Sebab tu- itu anak kita tapi kalau anak orang lain, tak boleh lah kan macam tu. *So* [jadi] lagipun saya bukan jenis kedekut ilmu, saya mengajar anak saya dengan anak orang lain sekali gus. Saya takkan balik rumah untuk anak saya, saya ajar lain, takde macam tu. *So* [jadi] itu satu [1] cabaran yang sangat saya laluilah, membesarakan anak dengan membuat seni budaya ni memang susah - memang susah. Satu [1] cabaran yang sangat susah yang saya lalui (pergerakan tangan sepanjang bercakap).

NEA: Kiranya _.

VSV: Tapi sekarang saya dah lupa semua benda tu. Bila saya ba – baca soalan kamu hati saya, dalam hati “Apa cabaran saya?”. Sebab saya dah lupa saya tak ingat. Tapi lepastu bila imbas kembali kita pergi pada zaman tu, (menunjukkan isyarat tangan) masa tu ada masa yang saya duduk menangis pun sebab kadang – kadang takde orang nak jaga. Anak saya yang sulung tu, lepas dua [2] tahun, anak kedua, lepas setahun [1], anak ketiga (menunjukkan tiga jari) diorang dekat- dekat – dekat.

NFE: Aah.

VSV: Lepastu, lepas enam [6] tahun baru saya dapat yang bongsu. Masa saya dapat yang bongsu tu, saya dah jadi guru tarian yang sangat aktif. Saya – saya nasiblah saya susu badan saya bawak dia pegi mana – mana pun saya bawak diri saya - - takleh – takleh tinggalkan sebab saya susu badan. Saya tak boleh tinggalkan dia kat mana – mana (menunjukkan pergerakan tangan).

NFE: Oh.

VSV: *So [jadi]* tu masa yang sangat susah saya melalui. Selain daripada tu lain – lain cabaran tu memang adalah sikit-sikit tapi tu semua boleh laluilah (NFE ketawa).

NEA: *So [jadi]* saya nak tanya pasal kenangan pahit pulak, yang susah dilupakan. *So [jadi]* kiranya tu tadi ke kenangan pahit?

VSV: (mengelap mulut) Kenangan pahit? Kenangan pahit ni agak sensitif sikit tapi *I* [saya] *just* [hanya] bagitau tapi tak payah tulis dalam buku la (ketawa). Kenangan pahit - - [atas permintaan tokoh bahagian ini tidak dapat ditulis kerana sensitif].

NFE: Okay, so [jadi] puan ni soalan *last* [terakhir].

VSV: Ya.

NFE: Puan pernah mengalami kecederaan tak sela [sic,sepanjang] latihan?

VSV: Ada, kaki saya sebelah kiri tu kalau nak [gangguan bunyi daripada NFE] bengkok memang susah (menunjukkan isyarat tangan). *So [jadi]* sekarang umur dah lima puluh tiga [53], *so [jadi]* body [badan] boleh dah nampak macam – macam problem [masalah] di kaki saya. *So [jadi]* memang ada kecederaan, memang ada *problem* [masalah] tu tak boleh. Sebab seorang penari, kita punya badan adalah *instrumen* [alat] kita, kita punya alat muzik adalah badan kita. [Gangguan bunyi daripada NFE] *So [jadi]* kita kena korbankan badan kita untuk menjadi penari. Kalau kita tak korban kita tak boleh jadi penari. *So [jadi]* dah akhir- akhir, umur masuk lima puluh [50] *sparepart* [alat ganti] mesti rosak (NFE & NEA ketawa). *So [jadi]* tak boleh buat apa – apa. Sekarang kaki saya pun dah ada masalah ni pun doktor kata tak boleh buat apa – apa, dia kata jangan menari banyak tapi kaki orang nak menari mana boleh berhenti (menunjukkan pergerakan tangan sepanjang bercakap).

NFE: Yalah.

NEA: Betul –betul, so [jadi] (VSV ketawa) saya rasa tu je kot kita punya sesi soal jawab ni tapi kami ada nak buat sikit penutup.

NFE: Okay.

VSV: Okay.

NFE: So [jadi] puan dengan ini tamatlah sesi temu bual sejarah lisan mengenai bidang seni Tarian Bharatanatyam bersama Puan Savithri. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh puan (VSV membentul fon telinga).

VSV: Fatin tak dengar Fatin, Fatin tak dengar (senyum).

NFE : Okay– okay. Dengan ini tamatlah sesi temu bual sejarah lisan mengenai bidang seni Tarian Bharatanatyam (memegang fon telinga) bersama Puan Savithri. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh puan dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni budaya para penyelidik pada masa akan datang, sekian terima kasih.

VSV: Oh sama – sama, terima kasih dua – dua.

**LOG
TEMUBUAL**

| LOG | TOPIK | |
|-------------------------|--------------------------|---|
| 01:07- 01:20 | Latar Belakang | <ul style="list-style-type: none"> • Nama tokoh V.Savithri A/P Vellaithan. • Umur: 53 tahun. • Tempat Asal: Negeri Sembilan. |
| 01:29- 02:39 | Akademik | <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah rendah pada tahun 1975. • Sekolah Kebangsaan Dato' Shah Bandar Abu Bakar Labu Hilir. • Sekolah menengah di Sekolah Dato' Mohd. Said, Nilai. • Tamat sehingga tingkatan empat kerana mak ayah tidak suka anak perempuan melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi dan keluarga mempunyai masalah kewangan. |
| 02:55- 03:29 | Moto/Slogan Hidup | <ul style="list-style-type: none"> • Sewaktu mengajar, perlu mengajar dengan penuh kasih sayang. • Slogan “<i>Serve Art with Love</i>” . |
| 03:53- 06:21 | Keluarga | <ul style="list-style-type: none"> • Nama ibu Janaki Ayappan seorang suri rumah tangga. • Nama ayah Vellaithan Appu seorang pemuzik. • Mempunyai enam adik beradik, dua lelaki dan empat perempuan. • Puan Savithri merupakan anak bongsu. • Puan Savithri merupakan satu-satunya anak yang masih menceburkan diri dalam bidang seni. • Kakak Puan Savithri berhenti aktif menyanyi setelah berumah tangga. |
| 07:17- 08:25 | Perkahwinan | <ul style="list-style-type: none"> • Nama suami Puan Savithri ialah Sugumaran Nair, berasal daripada Kuala Kangsar, Perak. |

| | | |
|-------------------------|-----------------------|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Perkenalan bermula di perayaan Thaipusam. • Sekarang mempunyai empat orang anak, Dua lelaki dan dua perempuan. • Usia perkahwinan sudah 28 tahun. • Belum mempunyai cucu. |
| 09:20- 18:09 | Akademi Tarian | <ul style="list-style-type: none"> • Mula mengajar pada tahun 1994 kerana membantu cikgu tarinya mengajar murid-murid di Klang. • Berminat untuk membuka akademi tarian kerana merasakan ramai mula tertarik untuk belajar menari tarian tradisi. • Puan Savithri juga berpendapat bahawa ia telah menjadi satu keperluan untuk menyediakan tempat belajar yang sesuai untuk mereka supaya ramai dapat rasakan bahawa bidang seni ini boleh menjadi satu profesi. • Akademi tarian Puan Savithri terletak di Seremban Dua, Negeri Sembilan. • Penuntut setakat tahun 2020, sudah mencapai 158 pelajar. • Kini penuntut ini menggunakan kaedah ‘Zoom’ dan tutorial video untuk belajar dan berlatih tarian. • Ada segelintir berhenti sementara kerana merasakan kaedah ‘Zoom’ dan tutorial video tidak sesuai dengan mereka. • Kebanyakan Puan Savithri mengajar pelajar India. Pernah mengajar penuntut |

| | | |
|-----------------|---|--|
| | | dari Korea, Beijing, dan Rusia kerana mereka meminati tarian-tarian ini. |
| 18:40- 19:07 | Pekerjaan | <ul style="list-style-type: none"> • Tiada pekerjaan selain menjadi pengajar. • Puan Savithri ingin menunjukkan bahawa kesungguhan dalam mengajar akan membawakan hasil dan dapat menunjukkan bahawa bidang seni dan budaya ini mempunyai maruah. |
| 19:43- 21:04 | Cara-cara menjaga kesihatan supaya kekal aktif | <ul style="list-style-type: none"> • Tinggalkan makanan dan minuman yang kurang sihat. Kurangkan minuman yang bergas. • Pemakanan dengan mengamalkan petua-petua nenek moyang seperti pengambilan ulam. |
| 22:13- 23:00 | Tarian lain yang mahir selain tarian Bharatanatyam | <ul style="list-style-type: none"> • Tahun 2004, telah menyertai bengkel jurulatih seni dan budaya negara. • Belajar berbagai-bagai tarian tradisi Malaysia seperti Inang, Joget, Zapin, Asli, Portugis, Layang Mas, Tarian-tarian Istana, Kuda Kepang, Sumazau, Tarian Ulu, banyak lagiilah, Melanau, Iban, dan Limbai. • Kursus mengambil masa 6 tahun. |
| 23:35- 24:00 | Jurulatih cemerlang | <ul style="list-style-type: none"> • Telah menjadi jurulatih di sekolah terpilih dan berjaya mendapat Johan dalam Festival Tarian. • Sekolah Tuanku Ampuan Najihah telah menganugerahkan anugerah jurulatih cemerlang kepada Puan Savithri. |
| 24:34- 26:05 | Sejarah tarian Bharatanatyam | <ul style="list-style-type: none"> • Satu tarian klasik India yang mempunyai 7 jenis. |

| | | |
|-------------------------|---|---|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Salah satu jenis ialah Bharatanatyam yang berasal daripada Tamilnadu, India yang dilahirkan di kuil sebagai upacara keagamaan. • Tarian Bharatanatyam ini adalah satu tarian yang melawan anatomi badan • Penari akan menari secara kedudukan duduk separuh seperti bentuk berlian • Kedudukan bentuk berlian perlu dikekalkan sebagai ‘Aramandi’. |
| 26:18- 27:13 | Maksud Bharatanatyam | <ul style="list-style-type: none"> • ‘Bha’ ertinya ‘bhava’. ‘Bhava bermaksud emosi. • ‘Ra’ ertinya ‘Ragam’. ‘Ragam’ bermaksud melodi. • ‘Ta’ ertinya ‘Talam’ yang bermaksud ertinya tempo. • ‘Natyam’ ertinya tarian. • ‘Bha’ ’Ra’ ’Ta’ ’Natyam’ ertinya emosi, melodi, dan tempo dalam satu tarian. |
| 27:22- 29:21 | Keunikan tarian Bharatanatyam | <ul style="list-style-type: none"> • Setiap pelajar akan dapat mendidik diri menjadi seorang yang berdisiplin. • Akan mendidik seseorang itu menjadi lebih fokus.. • Keunikan juga dapat dilihat apabila penari perlu menari secara kedudukan separa duduk yang agak sukar untuk dilakukan. |
| 30:10- 31:19 | Umur berminat dengan bidang tarian | <ul style="list-style-type: none"> • Mula aktif dalam buat persembahan sejak sekolah. • Mula belajar dengan guru tarian ketika berumur 18 tahun di Gombak. |

| | | |
|-------------------------|--|--|
| 31:54- 32:50 | Individu yang menjadi inspirasi untuk mendalami bidang tarian | <ul style="list-style-type: none"> • Ayah dan ibu Puan Savithri. |
| 33:15- 34:15 | Sebab memilih untuk mahir dalam bidang tarian Bharatanatyam | <ul style="list-style-type: none"> • Merasakan bahawa “Yang Maha Esa” telah mengatur dan memilih Puan Savithri untuk terlibat dalam bidang seni ini. |
| 35:11- 35:34 | Keaktifan dalam tarian Bharatanatyam | <ul style="list-style-type: none"> • Masih menari dan masih menari. • Persembahan terakhir adalah pada tahun 2018. |
| 35:49- 37:03 | Kepuasan antara mengajar dan menjadi penari | <ul style="list-style-type: none"> • Puan Savithri lebih suka mengajar. • Beliau berpendapat bahawa mengajar boleh memberi kepuasan kepada semua orang manakala kalau menjadi penari hanya akan dapat kepuasan untuk diri sendiri. • Beliau berpendapat bahawa kalau muridnya sudah mahir, beliau akan merasa puas dan muridnya akan sentiasa berusaha keras untuk belajar. |
| 37:17- 38:50 | Masa diambil untuk menguasai pelbagai tarian | <ul style="list-style-type: none"> • Puan Savithri mengambil masa selama 4 tahun untuk menguasai tarian Bharatanatyam. • Masa diambil untuk belajar Inang, Joget, Zapin memerlukan kursus selama 4 hari. • Ada dikalangan anak muridnya dapat menguasai tarian selepas 3 tahun. • Beliau juga berpendapat bahawa tempoh masa untuk menguasai sesuatu tarian itu terpulang kepada kesungguhan seseorang individu. |

| | | |
|-------------------------------|--|---|
| 38:57- 48:00 | <p style="text-align: center;">6 peringkat di dalam tarian Bharatanatyam</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Bharatanatyam dikenali sebagai ‘Margam’ ‘Margam’ bermaksud satu set repertoire • Elemen yang pertama adalah ‘Puspanjali’ digabung dengan ‘Allaripu’ yang merupakan permulaan untuk repertoire • Ia lebih dikenali sebagai membaca doa dan mengucap terima kasih kepada ‘Yang Maha Kuasa’, guru dan penonton. • Elemen kedua iaitu ’Jathiswaram’ merupakan pergerakan tanpa emosi. Tiada ekspresi muka selain senyum • Elemen ketiga adalah ’Sabdham’ ertiinya satu tarian yang penuh dengan emosi. • Seterusnya ialah ’Varnam’ yang merupakan satu tarian yang sangat penting dalam repertoire. Merupakan tarian yang memerlukan stamina yang tinggi. • Tarian ‘Varnam’ ini mempunyai “Abinaya” yang membawa erti emosi serta jalan cerita bersama pergerakan laju. • Kebanyakan cerita ‘Varnam’ ni atau tarian Bharatanatyam ni, kebiasaannya diambil dari cerita-cerita Epik dan juga cerita-cerita ‘Dewa’ dan ‘Dewi’. |
| 49:10- 49:56 | <p style="text-align: center;">Persamaan antara yoga dan tarian Bharatanatyam</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Pergerakan antara yoga dan Bharatanatyam ada persamaan • Cara pernafasan juga sama |

| | | |
|-------------------------------|---|--|
| 51:45- 52:33 | Koreografi tarian | <ul style="list-style-type: none"> • Koreografi mengikut pergerakan asal seperti yang telah diajar oleh guru beliau kerana ingin memelihara keaslian tarian ini. • Bagi lagu-lagu yang baru, beliau akan cipta koreografi sendiri. |
| 53:53- 54:42 | Perubahan gerakan ketika zaman moden dan zaman lama | <ul style="list-style-type: none"> • Beliau berpendapat bahawa terdapat perubahan dalam tarian tetapi tak lari daripada konsep dan peraturan yang ada |
| 55:04- 56:29 | Pendapat dalam menggabungkan tarian Bharatanatyam dengan tarian moden | <ul style="list-style-type: none"> • Puan Savithri tidak bersetuju kerana beliau lebih suka jika keaslian tarian ini dikekalkan. • Tapi jika ada sesi baru, tarian Bharatanatyam ni boleh dimodenkan. |
| 58:30- 01:02:53 | Pendapat dalam memperkenalkan tarian Bharatanatyam lebih mendalam kepada kaum lain | <ul style="list-style-type: none"> • Puan Savithri suka mengajar anak murid yang datang dari kaum lain. • Tapi terbatas sebab tarian ini banyak unsur keagamaan. • Pendapat Puan Savithri bahawa perlu tahu perbezaan antara adat dan ibadat dalam belajar tarian ini. • Puan Savithri juga berpendapat bahawa dia tidak boleh memaksa kaum lain yang beragama lain untuk belajar tarian ini |
| 01:03:13- 01:03:45 | Sambutan tarian Bharatanatyam daripada kaum lain | <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat ramai yang suka terutamanya pelancong China • Hampir setiap tahun, Puan Savithri menerima anak murid dari China |
| 01:05:20- 01:05:57 | Persembahan di luar negara | <ul style="list-style-type: none"> • Beliau pernah membuat persembahan di Beijing, Kambodia dan India. |

| | | |
|---------------------------|--|---|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Ketika di Sarawak Cultural Village, telah membuat persembahan di hadapan ramai pelancong dari luar negara |
| 01:06:30- 01:06:54 | Guru pertama dalam tarian Bharatanatyam | <ul style="list-style-type: none"> • Guru pertama beliau bernama Srimathi Kamala Ramachandran daripada Sekolah Thaichai Kamala Indra Vidyalaya di Kuala Lumpur |
| Side B 00:09- 03:20 | Penari dan tenaga pengajar | <ul style="list-style-type: none"> • Tarian Bharatanatyam bukan sahaja ditarikan oleh penari wanita sahaja. • Dulu merupakan tarian untuk dipersembahkan secara solo, sekarang sudah dipersembahkan secara berpasangan dan berkumpulan tetapi masih mengekalkan konsep yang sama. • Hanya memerlukan seorang sahaja tenaga pengajar. |
| 05:20- 16:40 | Kostum, perhiasan dan solekan | <ul style="list-style-type: none"> • Penari perempuan akan memakai kain ‘sari’ yang boleh dililit sampai bawah bersama blaus dengan selendang yang menutup dada. • Penari lelaki akan memakai kain ‘sari’ dililitkan sehingga ke bawah, tapi tidak berpakaian dan selendang diletakkan di bahu. • Zaman sekarang dah mula memakai kain ‘sari’ enam meter untuk kostum. • Penari lelaki tidak memerlukan banyak aksesori, hanya memakai rantai dan gelang kaki. • Penari perempuan mempunyai banyak perhiasan seperti ‘Nettichudi’ iaitu perhiasan kepala, ‘Ottiyaanam’ iaitu perhiasan pinggang, beserta |

‘Selanggai’ iaitu gelang kaki]. Penari perempuan akan berambut sanggul dan tocang, dipakaikan dengan ‘Raakodi’ iaitu perhiasan kepala. Perlu memakai gelang kaki yang ada 2 saiz.

- Untuk perhiasan di bahagian muka, penari perempuan perlu memakai banyak ‘Mookhutti’ iaitu perhiasan hidung.
- Untuk solekan, mata penari perempuan perlu dilukiskan eyeliner yang tebal, eyeshadow perlu diwarnakan dengan warna merah jambu, tidak boleh warna gelap bagi mengekalkan keaslian.
- Untuk perhiasan tangan, akan memakai Arca sejenis dakwat. Satu set bunga akan
- Bagi penari yang mahir akan memerlukan satu setengah jam untuk bersiap. Bagi penari yang kurang mahir mengambil masa lebih kurang tiga ke empat setengah jam.
- Solekan penari lelaki hanya memerlukan mereka memakai eyeliner tebal.
- Harga kostum bagi penari perempuan mahal berbanding penari lelaki. Set kostum original boleh mencecah harga 5 ribu. Set kostum yang bukan original, hanya 2 ratus hingga 5 ratus. Harga untuk menjahit kostum boleh mencecah 7 ratus.
- Kostum tarian ini tidak boleh disewa.

| | | |
|-------------------------------|--|--|
| 23:43- 25:47 | Acara yang sesuai untuk Bharatanatyam | <ul style="list-style-type: none"> • Majlis atau acara yang sesuai mempersembahkan tarian Bharatanatyam selalunya di kuil. • Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara banyak mengadakan program-program yang melibatkan tentang seni dan budaya. • Ketika sambutan Deepavali dan Thaipusam. <p>Tidak menggalakkan untuk membuat persembahan di majlis perkahwinan.</p> |
| 26:23- 29:26 | Muzik dan alatan | <ul style="list-style-type: none"> • Tarian Bharatnatyam ada menggunakan gendang yang Mridangam, Seterusnya ada alatan loceng yang dikenali sebagai Nattuvangam. Gendang digunakan untuk tempo manakala loceng akan digunakan oleh guru untuk membimbing penari. • Terdapat beberapa alatan muzik tambahan seperti biola, seruling ataupun veena iaitu gitar. • Muzik dipilih oleh tenaga pengajar. |
| 30:11- 37:16 | Pencapaian | <ul style="list-style-type: none"> • Puan Savithri telah menjadi Tokoh Karyawan Seni Budaya dan juga fasilitator untuk Kementerian Kebudayaan serta pengubal modul untuk tarian-tarian tradisi untuk Kementerian Kebudayaan. • Seterusnya pernah menerima satu anugerah dari India, Tamil Nadhu kerana telah menjadi seorang jurulatih yang aktif. |

| | | |
|--|------------------------|--|
| 37:43- 38:10 | Sumbangan | <ul style="list-style-type: none"> • Sumbangan beliau dalam tarian ini ialah beliau telah melahirkan banyak pelapis, memberi kelas percuma kepada murid – murid yang berkomitmen dan membantu murid yang mempunyai masalah kewangan. |
| 39:11- 42:13 | Kenangan Manis | <ul style="list-style-type: none"> • Pernah disuruh untuk menari secara rawak ketika di pemeriksaan Imigresen di China. • Mendapat perhatian daripada penduduk Kambodia kerana memakai kostum yang sangat memukau. |
| 45:16- 46:15 | Harapan | <ul style="list-style-type: none"> • Harapan tokoh untuk mengekalkan tradisi tarian ini ialah supaya memperbanyakkan lagi pendedahan mengenai tradisi-tradisi di negara ini. • Berharap agar subjek seni dan budaya dijadikan sebagai salah satu pembelajaran di sekolah supaya anak murid dapat pendedahan itu. |
| 48:38- 53:57 01:03:17- 01:04:08 | Cabaran dan Isu | <ul style="list-style-type: none"> • Cabaran tokoh sepanjang penglibatan dalam tarian Bharatanatyam ini dapat dilihat setelah beliau berkahwin dan mempunyai anak. • Beliau terpaksa mengorbankan masa Bersama keluarga untuk kekal aktif dan focus dalam tarian ini. • Pernah mengalami kecederaan dan sehingga sekarang tidak dapat dipulihkan dan doktor menasihatkan beliau supaya untuk mengurangkan menari. |

RALAT

Tiada ralat

7

GLOSARI

A

| | |
|---------------|---|
| ASWARA | Institusi pengajian tinggi dalam bidang persembahan yang di sokong sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. |
| Agama | kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya, kepercayaan pada yang Maha Kuasa |
| Aksesori | Barang yang melengkapi pakaian seseorang terutamanya wanita seperti beg tangan, kasut dan rantai. |
| Ahli sains | Seorang ahli sains atau saintis, secara umumnya, merujuk kepada sesiapa sahaja yang melakukan aktiviti-aktiviti bersistem untuk mengaut ilmu. |
| Akademi | Akademi adalah perguruan tinggi yang menyelenggarakan pendidikan vokasi dalam satu cabang atau sebahagian cabang ilmu pengetahuan, teknologi, atau seni tertentu |
| Aktif | Bertenaga dan giat, pantas, deras. |
| Anatomi badan | Anatomi tubuh manusia tersusun atas sel, jaringan, organ, dan sistem organ. |
| Anugerah | Pemberian berupa hadiah yang tinggi dan besar nilainya daripada Allah, pemerintah atau negara. |
| Aramandi | Badan atas tetap, kaki bengkok dan lutut dibengkokkan (Aramandi) digabungkan dengan gerak kaki yang spektakuler, dan perbendaharaan kata bahasa isyarat yang canggih berdasarkan isyarat tangan, mata, dan otot muka. |
| Asas | Prinsip asas pengetahuan mana pun. Setiap bidang pengetahuan (seni, sains atau teknik) mempunyai beberapa elemen penting yang mana semua kerumitannya berkembang. |

B

| | |
|---------------|---|
| Bharatanatyam | Merupakan satu bentuk tarian klasik yang berasal dari dan berkembang subur dalam tokong-tokong dan majlis perhimpunan di bahagian selatan India kuno. |
| Bhava | Bermaksud wujud, kewujudan duniawi, menjadi, lahir, menjadi, pengeluaran, asal pengalaman, dalam arti kelahiran semula. |
| Beijing | Beijing adalah ibu negara Republik Rakyat China. |
| Bidadari | Makhluk seperti manusia berjantina wanita yang tinggal di kayangan atau syurga. |
| Bakat | Orang yang mempunyai kebolehan semula jadi. |
| Bengkel | Bengkel boleh menjadi sesi latihan atau panduan yang berlangsung selama beberapa hari, yang memfokuskan pada menyelesaikan masalah atau latihan pada suatu aktiviti tertentu, yang memerlukan penyertaan aktif peserta. |

| | |
|---------------|---|
| Emosi | Emosi diertikan sebagai dari reaksi terhadap situasi tertentu yang dilakukan oleh tubuh. |
| Epik | Puisi (sajak) panjang yang menceritakan bakti seseorang pahlawan (biasanya pahlawan dalam sejarah atau legenda). |
| F | |
| Flute | Alat muzik seperti seruling. |
| Fasilitator | Orang yang membimbing sesuatu program pembelajaran dan pengajaran. |
| Festival | Kegiatan berupa kempen (promosi, pertandingan). |
| Filem | Gambar bergerak yang ditayangkan pada layar, biasanya di pawagam, wayang gambar. |
| G | |
| Gurukulam | Sejenis sistem pendidikan kerohanian di India kuno dengan shishya ('pelajar' atau 'murid') tinggal berhampiran atau dengan rohani guru, di rumah yang sama. |
| Gombak | Gombak adalah daerah pentadbiran yang terletak di negeri Selangor, Malaysia. |
| Graduasi | Upacara kecil ini dianjurkan oleh setiap fakulti dan merupakan upacara sebenar penganugerahan ijazah. |
| Generasi | Kumpulan individu yang lahir pada waktu yang lebih kurang sama, angkatan: perbuatannya itu akan menjadi teladan kepada yang akan datang. |
| Gerak isyarat | Cara berkomunikasi yang tidak menggunakan ucapan atau tulisan sebagaimana yang lazim dalam sesuatu bahasa) tetapi menggunakan gerak isyarat anggota. |
| Guru | Orang yang mengajar, pendidik, pengajar, pengasuh. |
| Gendang | Alat muzik daripada kayu bulat panjang yang berongga dan direntang dengan kulit (pada hujung pangkalnya). |
| H | |
| Hindu | Hinduisme adalah agama yang timbul daripada unsur-unsur brahmanisme dan vedisme zaman dahulu. |
| I | |
| Islam | Sebuah agama yang diturunkan Allah s.w.t kepada Nabi |
| India | India, terletak di Asia Selatan dan merangkumi kebanyakan subbenua India merupakan negara kedua terpadat penduduk dan negara demokrasi. |
| Inai | Merupakan sejenis pohon berbunga yang mana daunnya digunakan untuk mewarnai kulit badan manusia, rambut, kuku, barang kulit. |
| Instrument | Alat, perkakas (muzik, pertukangan, |

| | |
|--------------|--|
| Iban | Suku kaum peribumi yg terbesar di Sarawak, yang tinggal di merata daerah (terutamanya di Miri, Bintulu, Sibu, Kapit dan Kuching) dan juga dikenali sebagai Dayak Laut. |
| Ibadat | Bakti (khidmat) kepada Tuhan, perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bakti kepada atau kerana Tuhan (seperti sembahyang, berdoa, bersedekah, berbuat baik sesama manusia). |
| Individu | Orang perseorangan, manusia seorang diri, terutamanya apabila dianggap sebagai berbeza daripada yang lain. |
| J | |
| Jatishwaram | Merupakan Pergerakan tanpa emosi, di mana muzik berulang-ulang dan disatukan dengan gerak yang rumit. Ia dikatakan sebagai Purely nirtha tanpa reaksi. |
| JKKN | Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. |
| JSBN | Jurulatih Seni Budaya Negara. |
| Joget | Tarian tradisional Melayu yang berasal dari Melaka. Itu dipengaruhi oleh tarian Portugis Branyo yang dipercayai telah menyebar ke Melaka semasa perdagangan rempah. |
| Johan | Orang yang menang dalam pertandingan, juara. |
| Jurulatih | Orang yang melatih orang lain seperti ahli sukan supaya mahir; kejurulatihan yang berkaitan dengan jurulatih dalam segala aspeknya. |
| K | |
| Kristian | Seseorang yang menyatakan kepercayaannya kepada Yesus sebagai Kristus atau percaya kepada sesuatu agama yang berdasarkan ajaran Yesus. |
| Koreografi | Hasil atas suatu pola gerakan terstruktur itu disebut pula sebagai koreografi. |
| Karyawan | Penghasil karya, pencipta, tokoh karyawan (biasanya sudah bersara) dalam sesuatu bidang yang diberi penghargaan oleh badan tertentu untuk melakukan penyelidikan dan menghasilkan karya. |
| Konsep | Pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu. |
| Kuil | Rumah berhala, tempat memuja dewa-dewa. |
| Kontemporari | Segala-galanya yang berlaku pada masa kini dan yang dipunyai oleh masa bersejarah masa terdekat dipanggil kontemporari. |
| Klasikal | Mempunyai nilai yang tinggi atau taraf (kedudukan) yang diakui. |
| Kostum | Pakaian yang dipakai pada ketika tertentu seperti menghadiri upacara, jamuan. |
| Komitded | Mempunyai atau menunjukkan komitmen (terhadap sesuatu). |
| Kaum | Puak, suku bangsa. |

| | |
|---------------------|---|
| Kemahiran | Kecekapan, kepandaian. |
| Kerjaya | Kerjaya selalunya merujuk kepada jawatan tetap dan berjaya menjadikan seseorang itu mencari nafkah hidup, menyara kehidupan. |
| Khusus | Istimewa untuk seseorang atau sesuatu, tidak umum. |
| Klang | Bandar Diraja Klang, adalah bandar diraja dan bekas ibu negeri-negeri Selangor, Malaysia. |
| Kuala Lumpur | Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dan disebut sebagai KL, adalah wilayah persekutuan dan ibu kota Malaysia. Ia adalah bandar terbesar di Malaysia. |
| Kuda kepang | Seni tarian berkuda yang berasal dari pulau Jawa di Indonesia, ia biasa dimainkan di majlis perkahwinan atau di majlis keramaian. |
| L | |
| Layang Mas (tarian) | Sebuah tarian istana yang sangat cantik yang banyak menggunakan gerak tangan, melayang-layang (melenggang-lenggang) sambil berpusing beberapa kali, mempunyai gerak bahu yang jelas serta pergerakan pinggul. |
| Limbai (tarian) | Tarian Limbai merupakan satu tarian tradisional suku kaum Bajau, Sabah. |
| M | |
| Mookuthi | Perhiasan hidung |
| Mridangam | Mridangam adalah gendang dua sisi yang badannya biasanya dibuat menggunakan sekeping kayu nangka berlubang setebal satu inci. |
| Malaysia | Negara yang terletak di Asia Tenggara yang ibu negaranya Kuala Lumpur, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaannya bahasa Melayu, dan agama rasminya agama Islam. |
| Mahir | Terlatih untuk mengerjakan sesuatu, cekap, lancar, pandai. |
| Mutiara | Permata yang diperoleh dari sejenis tiram. |
| Maruah | Digunakan dalam perbincangan kesusilaan, etika, dan politik bagi menunjukkan bahawa sesuatu orang mempunyai hak terhadap rasa hormat dan layanan beretika. |
| Modul | Modul ialah medium untuk menyampaikan mesej. Berbanding hanya menggunakan pendekatan bercakap atau berceramah, beberapa alat, kaedah atau instrumen bantuan digunakan untuk meningkatkan keberkesanan penerimaan mesej. |
| Melanau | Salah satu kaum utama di negeri Sarawak. Orang Melanau tergolong dalam ras Austronesia. Dahulunya, kaum Melanau juga mempunyai reka bentuk rumah yang unik, rumah yang dibina tinggi. |
| Melodi | Alunan, suara, atau baris merupakan siri turutan yang menghidupkan keharmonian kod. |

| | |
|--------------------|--|
| Moden | Dari masa sekarang, berkaitan dengan masa kini, yang terbaru, cara (kaedah) baru, mutakhir. |
| N | |
| Natyam | Natyam ialah tarian/drama/persembahan. |
| Nettichudi | Perhiasan kepala untuk penari. |
| Nattuvangam | Nattuvangam dipersembahkan oleh Nattuvanar atau guru tarian menggunakan simbal talam. |
| Nenek moyang | Keturunan kita yang dahulu-dahulu, orang-orang dahulu yang menurunkan kita, leluhur. |
| Negeri sembilan | Negeri di Malaysia yang terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia dan bersempadan Selangor di sebelah utara, Pahang di sebelah timur, Johor di sebelah tenggara dan Melaka di sebelah selatan. |
| O | |
| Ottiyanan | Hiasan pinggang untuk penari. |
| Orang Cina | Warganegara Malaysia yang berketurunan Bangsa Han. Mereka merupakan kumpulan etnik kedua terbesar di Malaysia selepas kaum Melayu. |
| Orang Melayu | Orang melayu yang tinggal di Malaysia. Orang Melayu di Malaysia diperkirakan sebanyak 50.8% atau 15,479,600 daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia, ditakrifkan secara umum sebagai "bangsa Melayu". |
| Orang India | Rakyat Malaysia yang berasal dari India. Kebanyakan mereka datang ke Malaysia semasa zaman penjajahan British di Malaya. |
| P | |
| Pelapis | Yang menjadi golongan atau tingkatan yang berikutnya atau yang akan meneruskan atau mengambil alih sesuatu tugas. |
| Persembahan | Sesuatu yang dihidangkan atau dipertunjukkan (permainan, pementasan, filem) |
| Proses | Satu siri tindakan yang dilakukan untuk membuat, menghasilkan, atau mencapai sesuatu. |
| Patham | Ekspresi muka ditambahkan dengan jalan cerita yang mengasyikkan. |
| Pensyarah | Guru di universiti, orang yang memberikan kuliah. |
| Perak | Logam yang berwarna putih dan berkilat digunakan untuk membuat perhiasan duit. |
| Penyanyi | Penyanyi merujuk kepada ahli muzik yang menggunakan suaranya untuk menghasilkan muzik. |
| Perayaan Thaipusam | Hari Thaipusam merupakan perayaan yang disambut oleh mereka yang beragama Hindu di seluruh dunia bagi menghormati dewa Hindu. |

| | |
|----------------------|---|
| Peraturan | Segala yang telah ditentukan, ditetapkan dan harus diterut atau dipatuhi. |
| Poliklinik Mediviron | Klinik Mediviron yang dimiliki Mediviron Group Of Clinics adalah salah satu klinik rantaian terbesar di Malaysia dengan lebih daripada 210 cawangan klinik |
| Portugis (tarian) | Tarian Portugis ada kaitannya dengan sejarah pemerintahan Portugis di Melaka. Terdapat dua jenis Tarian Portugis ini iaitu Tarian Branyo dan Tarian Farapeirra. |
| Profesional | Seorang profesional adalah orang yang menjalankan profesion (pekerjaan atau pekerjaan yang memerlukan pengetahuan formal dan khusus). |
| Profesor | Tenaga akademik yang paling tinggi taraf jawatannya, biasanya mengetuai sesebuah jabatan pengajian di universiti. |
| Punjabi | Merupakan kumpulan etnik Indo-Arya berasal dari Asia Selatan. Mereka berasal dari wilayah Punjab. |
| Puspanjali | Permulaan tari merupakan doa dan mengucapkan terima kasih kepada tuhan dan guru. |
| Polisi | Rancangan tindakan yang telah dipersetujui secara rasmi sebagai asas untuk membuat atau melaksanakan sesuatu keputusan, dasar. |
| Posisi | Kedudukan, letaknya. |

R

| | |
|---------------------------------|---|
| Rainforest World Music Festival | Festival muzik tahunan yang meraikan kepelbagaian muzik dunia. Ia diadakan di Kuching, Sarawak, Malaysia. |
| Raakodi | Perhiasan kepala, sanggul. |
| Repertoire | Semua drama, muzik, nyanyian, cerita yang sedia untuk dinyanyikan, dilakonkan, dipersembahkan oleh pe-nyanyi, pelakon, pemuzik. |
| Ringgit | Mata wang yang bernilai 100 sen: wang. Wang ringgit dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. |
| Ritma | Urutan proses semula jadi yang berulang dalam masa yang tetap. |

S

| | |
|---------|---|
| Sabdham | Abinaya atau ekspresi muka akan diperkenalkan pertama kali dalam repertoire. |
| Servis | Berkhidmat, perkhidmatan. |
| Sari | Sari adalah pakaian lazim dalam kalangan kaum wanita di Asia Selatan khususnya anak benua India terdiri daripada sehelai kain panjang tidak berjahit dibalut keliling pinggang disandangkan atas bahu mendedahkan bahagian perut. |

| | |
|----------------------------------|--|
| Sejarah lisan | Satu cara masyarakat menyampaikan sejarah lisan, kesusasteraan, perundangan dan pengetahuan lain menyeberangi generasi tanpa sistem tulisan. |
| Selendang | Kain panjang untuk menutup kepala, leher, bahu. |
| Salanggai | Perhiasan kaki gelang kaki. |
| Shiabratam | Hubungan cikgu dan anak murid. |
| Shishya | Anak murid. |
| Sijil | Sebuah dokumen yang mengesahkan bahawa seseorang telah menerima pendidikan tertentu atau sudah melepassi/sudah lulus satu ujian atau suatu siri ujian. |
| Stamina | Daya tahan ,keupayaan untuk membolehkan seseorang itu bekerja kuat, berlari laju. |
| Sumazau(tarian) | Tarian Sumazau merupakan sejenis tarian tradisi rakyat Sabah yang amat terkenal di Sabah dan di seluruh Malaysia. |
| Sarawak Cultural Village Kampung | Kampung kebudayaan Sarawak Muzium Hidup di seberang Damai Beach Resort Hotels. |
| T | |
| Tarian Kolattam | Tarian Kolattam merupakan salah satu seni persembahan tarian tradisional yang popular di kalangan masyarakat India. |
| Tarian asli | Tarian asli merupakan kumpulan tarian yang dicipta berdasarkan lagu – lagu asli Melayu. |
| Thillana | Tarian klimaks dalam repotua barathanatyam dan juga tarian yang pantas, sebilang besar perkataan Thillana dimasukan dalam lirik. Diketogarkan sebagai tarian asli. |
| Taekwando | Merupakan seni bela diri Korea yang paling terkenal. Ia telah diperkenalkan di seluruh dunia oleh Jeneral Choi Hong Hi. |
| Tokoh | Orang yang kenamaan dalam apa-apa bidang seperti bidang politik, kebudayaan, agama. |
| Tempo | Ukuran waktu pada muzik, irama. |
| Tamil Nadhu | Sebuah negeri di hujung selatan India. Tamil Nadu, bersempadan dengan Puducherry , Kerala, Karnataka dan Andhra Pradesh. |
| Tarian Ulu | Tarian adat yang mempunyai kehalusan budaya tersendiri. |
| Teknik | Kaedah mencipta sesuatu hasil seni muzik, karang-mengarang. |
| Tradisi | Masyarakat yang mengamalkan cara hidup turun-temurun. |

U

| | |
|----------------|---|
| Umum | Secara keseluruhan (tidak pada atau mengenai yang tertentu sahaja), bersifat menyeluruh, mengenai keseluruhan sesuatu. |
| Upacara | Seluruh perbuatan yang dilakukan menurut peraturan dan istiadat tertentu (untuk merasmikan, memperingati, merayakan, melantik). |
| V | |
| Veena | Alat muzik ini tergolong dalam kumpulan alat muzik bertali. |
| Varnam | Tarian India. |
| Violin | Alat muzik empat tali, biasanya dimainkan dengan busur atau dengan memetik tali. |
| Vitamin | Zat gizi yang diperlukan tubuh untuk menjalankan fungsi normalnya. Meski dibutuhkan dalam jumlah sedikit. |
| Video tutorial | Merupakan salah satu presentasi berbentuk video yang mendeskripsikan langkah-langkah untuk mengerjakan tentang sesuatu hal yang berkaitan pembelajaran. |
| W | |
| Warisan | Peninggalan artifikat fizikal dan ciri tidak ketara sesebuah kelompok atau masyarakat yang diwarisi daripada generasi terdahulu, dikekalkan pada masa kini serta dipelihara untuk generasi akan datang. |
| Y | |
| Youtube | YouTube adalah sebuah portal Internet yang membolehkan penggunaannya memuat naik dan melihat video. |
| Yoga | Sejenis senaman meditasi yang melibatkan fikiran, seperti dengan bertafakur, terutama satu siri senaman gerak badan yang bertujuan mewujudkan keadaan badan dan fikiran yang sihat. |
| Z | |
| Zapin (tarian) | Sejenis tarian rakyat tradisional dilakukan masyarakat Melayu dalam kepulauan Nusantara terutamanya di Semenanjung Tanah Melayu khususnya di Johor. |
| Zoom | Sebuah perkhidmatan sembang dalam talian serta video telefon. Ia merupakan antara perisian komunikasi seumpamanya yang paling terkenal di dunia. |

INDEKS

A

| | |
|-----------------|--|
| Abinaya | 39, 82 |
| Adat | 9, 10, 46, 47, 48, 49, 83 |
| Adik Beradik | 16, 51, 77 |
| Agama | 9, 10, 12, 47, 48 |
| Ahli | 23 |
| Ahli Sains | 23 |
| Air | 24 |
| Akademi | 18, 19, 20, 21, 22, 78 |
| Akhir | 28, 40, 43 |
| Aksesori | 54, 55, 70, 84 |
| Aktif | 16, 22, 24, 30, 31, 34, 77, 79, 80 |
| Alat Solek Mata | 55 |
| Allaripu | 37, 38, 81 |
| Anak | 14, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 32, 35, 36, 38, 46, 48, 49, 77, 78, 81, 83 |
| Anatomi Badan | 27, 79 |
| Anugerah | 12, 33, 79 |
| Aramandi | 28, 79 |
| Arca | 58, 85 |
| Asas | 20, 36, 43 |
| Asli | 26, 35, 79 |
| ASWARA | 21 |
| Automatik | 29 |
| Ayah | 15, 23, 31, 32, 77 |

B

| | |
|----------------|--|
| Bagus | 14, 23, 25, 42 |
| Bakat | 11, 20, 32 |
| Baru | 16, 19, 20, 31, 36, 37, 43, 44, 45, 82 |
| Beijing | 23, 49, 50, 78, 83 |
| Belajar | 14, 19, 20, 21, 23, 26, 29, 30, 31, 35, 36, 37, 43, 46, 47, 49, 78, 80, 81, 83 |
| Bengkel | 26, 79 |
| Bentuk Berlian | 28, 79 |
| Berhenti | 22, 38, 45, 77, 78 |
| Berulang | 38, 42, 82 |
| Betul | 12, 14, 18, 21, 23, 24, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 42, 46, 47 |
| Bharatanatyam | 11, 12, 13, 14, 18, 21, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 35, 36, 37, 38, 39, 41, 42, 43, 44, 46, 48, 79, 80, 81, 82, 83 |
| Bhava | 28, 38, 80 |
| Bidadari | 70 |
| Bidang | 14, 16, 19, 20, 21, 23, 32, 77, 78, 79, 80 |
| Bongsu | 15, 16, 77 |
| Budaya | 9, 10, 11, 19, 21, 23, 26, 33, 79 |
| Bunga | 13, 58, 60 |

C

| | |
|-----------|------------------------------------|
| Cabaran | 10, 24, 73, 74, 75 |
| Cantik | 13, 40 |
| Cara | 9, 11, 13, 15, 20, 31, 48, 79 |
| Cemerlang | 26, 79 |
| Cerita | 21, 24, 38, 39, 40, 44, 48, 50, 82 |

| | |
|-----------------|--|
| Charlie Chaplin | 30 |
| Cina | 10, 23, 31 |
| Corona Virus | 34 |
| Cucu | 18, 78 |
| D | |
| Dahi | 17, 47 |
| Dakwat | 58 |
| Darah | 13, 15 |
| Darjah | 14 |
| Deepavali | 63 |
| Dengar | 15, 18, 29, 40, 41, 44, 45, 46, 49, 50 |
| Dewa | 12, 39, 82 |
| Dewa Naraja | 51 |
| Dewi | 39, 82 |
| Disiplin | 28, 29 |
| Doa | 38, 48, 81 |
| Doktor | 19, 20, 23 |
| Duduk | 27, 28, 29, 79, 80 |
| E | |
| Ekonomi | 11, 14 |
| Elemen | 12, 37, 41, 43 |
| Emas | 58 |
| Emosi | 28, 29, 38, 39, 80, 81, 82 |
| English | 69 |
| Epik | 39, 82 |
| 100 | |

F

| | |
|-------------|------------|
| Fasilitator | 19, 22, 33 |
| Festival | 17 |
| Filem | 30 |
| Flute | 65 |
| Fokus | 29, 33, 80 |

G

| | |
|---------------|------------------------------------|
| Gabungan | 12, 37, 39 |
| Gambar | 50, 121 |
| Gelang | 13, 48 |
| Gelang Kaki | 13, 48, 54, 55, 84 |
| Gembira | 35, 40 |
| Gendang | 29 |
| Generasi | 9, 10, 11, 20, 45 |
| Gerak Isyarat | 30 |
| Gombak | 31, 80 |
| Graduasi | 18, 35, 36 |
| Guru | 10, 19, 30, 31, 37, 38, 80, 81, 82 |
| Gurukulam | 60, 61 |

H

| | |
|---------|--------------------|
| Habis | 14, 21, 31, 36, 40 |
| Hadiah | 31 |
| Harapan | 71, 72 |
| Hentak | 42 |
| Hindu | 10, 12, 13, 48 |

| | |
|-----------------|--|
| Hotel | 70 |
| <i>I</i> | |
| Ibadat | 46, 47, 48, 49, 83 |
| Iban | 10, 26, 79 |
| Ibu | 15, 32, 77, 80 |
| Ikhlas | 33 |
| Ilmu | 20 |
| Inai | 58 |
| Inang | 21 |
| India | 10, 11, 12, 13, 23, 27, 28, 31, 33, 46, 47, 48, 49, 50, 78, 79, 83 |
| Individu | 35, 36, 81 |
| Islam | 10, 47, 48 |
| Istana | 26, 79 |
| Isu | 73 |
| <i>J</i> | |
| Jaga | 29 |
| Jahitan Jarum | 57 |
| Jathiswaram | 38, 41, 81 |
| Jepun | 71 |
| Joget | 21 |
| Johan | 26, 79 |
| Jurulatih | 14, 19, 26, 33, 79 |
| Jururawat | 31 |
| <i>K</i> | |
| Kaki | 12, 13, 28, 29, 39, 42, 48, 82 |

| | |
|--|---|
| Kali | 9, 42, 49 |
| Kambodia | 50, 83 |
| Karbonat | 24 |
| Karyawan | 66, 68, 86 |
| Kasih Sayang | 15, 77 |
| Kaum | 9, 10, 12, 13, 23, 40, 46, 47, 48, 49, 83 |
| Kayangan | 70 |
| Keagamaan | 11, 27, 46, 79, 83 |
| Keaslian | 43, 44, 45, 82, 83 |
| Keasyikan | 40, 82 |
| Kecederaan | 75 |
| Kecil | 9, 13, 30 |
| Kedekut | 20 |
| Kehormatan | 70, 71 |
| Kekal | 24, 28, 44, 79 |
| Kelas | 18, 19, 22 |
| Kemahiran | 39 |
| Kementerian Kebudayaan Dan Kesenian Negara | 22 |
| Kenangan Manis | 69 |
| Kenangan Pahit | 75 |
| Kepala | 13, 23, 25, 29, 34, 42, 49 |
| Kepuasan | 34 |
| Kerajaan | 11, 68, 72 |
| Kerja | 21, 22, 23, 33, 34 |
| Kerjasama | 76 103 |

| | |
|--------------------|------------------------|
| Kerjaya | 23 |
| Keselamatan | 32 |
| Kesihatan | 13, 24, 79 |
| Keunikan | 29, 80 |
| Kewangan | 63, 68, 77 |
| Khusus | 27 |
| Klang | 18, 19, 78 |
| Klasik | 12, 27, 46, 79 |
| Klimaks | 40, 82 |
| Kolattam | 66 |
| Kolej | 19, 20, 21 |
| Kolej Lim Kok Wing | 21 |
| Komitid | 61 |
| Konsep | 44, 83 |
| Kontemporari | 55 |
| Korea | 23, 78 |
| Koreograf | 43 |
| Koreografi | 42, 43, 82 |
| Kostum | 13, 53, 54, 57, 58, 59 |
| Kristian | 10, 47, 48 |
| Kuala Lumpur | 19, 31, 51, 83 |
| Kuda Kepang | 26, 79 |
| Kuil | 27, 79 |
| Kursu | 54, 55 |

L

| | |
|----------------|----------------|
| Lagu | 40 |
| Laju | 38, 39, 82 |
| Langkah | 11, 19, 21 |
| Latar Belakang | 14, 15, 117 |
| Latihan | 30, 75, 117 |
| Layang Mas | 26, 79 |
| Leher | 13, 29 |
| Lelaki | 16, 17, 77, 78 |
| Limbai | 26, 79 |
| Lokasi | 22 |

M

| | |
|--------------|---|
| Mahir | 26, 32, 36, 79, 80 |
| Makan | 25 |
| Maklum Balas | 23 |
| Maklumbalas | 35 |
| Malaysia | 9, 10, 11, 12, 14, 17, 19, 22, 24, 26, 45, 46, 51, 79 |
| Margam | 36, 81 |
| Maruah | 23, 79 |
| Masa | 12, 14, 16, 19, 23, 29, 30, 31, 35, 42, 45, 79, 81 |
| Masalah | 10, 32, 47, 48, 77 |
| Mata | 12, 13, 16, 24, 25, 29 |
| Melamar | 17 |
| Melanau | 26, 79 |
| Melayu | 10, 31, 46, 48 |

| | |
|-----------------|--|
| Melodi | 12, 28, 29, 40, 41, 80 |
| Menari | 15, 21, 22, 27, 29, 31, 32, 34, 35, 37, 38, 42, 48, 78, 79, 80 |
| Mendorong | 15, 32 |
| Mengajar | 15, 18, 19, 21, 22, 26, 30, 31, 34, 35, 37, 46, 47, 48, 49, 51, 77, 78, 83 |
| Merah | 47 |
| Mimik Muka | 28, 38, 39, 40 |
| Minat | 19, 20, 23, 30, 35, 36 |
| Minum | 24 |
| Moden | 11, 43, 44, 45, 83 |
| Modul | 19, 22, 31 |
| Mridangam | 64, 85 |
| Murid | 19, 20, 21, 35, 36, 38, 46, 48, 49, 78, 83 |
| Muzik | 13, 15, 20, 30, 33, 39, 64, 65, 75, 85 |
| <i>N</i> | |
| Nama | 12, 14, 15, 17, 33, 37, 41, 51 |
| Nasihat | 20 |
| Nattuvangam | 64, 86 |
| Natyam | 28, 80 |
| Negara | 9, 10, 11, 26, 33, 49, 50, 79, 83 |
| Negeri Sembilan | 1, 14, 22, 27, 77, 78 |
| Nenek Moyang | 10, 25, 45, 79 |
| Nettichudi | 54, 84 |
| Notifikasi | 14, 18, 19, 26, 32, 35, 42 |
| <i>O</i> | |
| Ottiyaanam | 54, 84 |

P

| | |
|----------------|--------------------|
| Pakai | 47, 48 |
| Paksa | 47 |
| Pandai | 25 |
| Pandang | 23, 24, 44 |
| Pasport | 69 |
| Patham | 39, 82 |
| Peguam | 19, 20 |
| Pelajar | 22, 23, 78, 80 |
| Pelapis | 35, 61, 67, 68, 86 |
| Pelekat | 47 |
| Pelihara | 21, 43, 44, 45 |
| Peluang | 11, 61 |
| Pembayang Mata | 55 |
| Pembelajaran | 20, 42 |
| Pemuzik | 15, 77 |
| Pendapat | 11, 44 |
| Pengakhiran | 40 |
| Pengalaman | 14, 20 |
| Pengenalan | 12, 18 |
| Penghibur | 69 |
| Pengubal | 19 |
| Penonton | 13, 38, 40, 81 |
| Pensyarah | 21 |
| Pentas | 63 |

| | |
|--------------------|---|
| Penuntut | 22, 78 |
| Penutup | 40, 41 |
| Penyakit | 24 |
| Penyampaian | 31 |
| Penyanyi | 16 |
| Perak | 17, 77 |
| Perancangan | 72 |
| Perasaan | 9, 28, 35, 38 |
| Peraturan | 43, 44, 83 |
| Perayaan Thaipusam | 17 |
| Perbandingan | 34 |
| Perbezaan | 10, 41, 43, 83 |
| Percuma | 61, 68, 86 |
| Perempuan | 13, 14, 16, 17, 32, 77, 78 |
| Pergerakan | 12, 13, 28, 29, 37, 38, 39, 40, 42, 44, 81, 82 |
| Pergi | 17, 19, 20, 21, 29, 31, 32, 36, 49 |
| Perhiasan | 13, 53, 54, 55, 57, 58, 59, 84 |
| Perkahwinan | 17, 18, 78 |
| Perkhidmatan | 73 |
| Perlahan | 39 |
| Pernafasan | 42, 82 |
| Persamaan | 41, 42, 82 |
| Persembahan | 9, 10, 12, 27, 30, 32, 34, 35, 36, 37, 38, 40, 41, 43, 49, 50, 64, 80, 83 |
| Perubahan | 43, 44, 83 |
| Pindah | 31 |
| | 108 |

| | |
|----------------------|------------------------------------|
| Platfom | 62 |
| Poliklinik Mediviron | 31 |
| Polisi | 48 |
| Portugis | 26, 79 |
| Posisi | 30 |
| Profesional | 19, 20, 21, 23 |
| Profesor | 20 |
| Puan Savithri | 14, 32, 77, 78, 79, 80, 81, 83 |
| Punjabi | 47 |
